


# > Kandungan

- 04 PERUTUSAN PENGARAH**  
Pencapaian • Prestasi • Harapan
- 06 PERSPEKTIF JABATAN**  
Wawasan • Misi • Piagam pelanggan • Objektif • Strategi jabatan • Strategi korporat
- 10 PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN  
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**  
Ahli direktorat • Pegawai kanan • Pegawai hutan daerah • Penolong pegawai  
Penolong pegawai hutan daerah • Penolong pemelihara hutan
- 20 CARTA ORGANISASI & GAMBAR SEKSYEN  
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**  
Bahagian khidmat pengurusan dan sumber manusia • Perancangan dan pengurusan  
Silvikultur dan kepelbagaian biologi • Penguatkuasaan hutan • Penguatkuasaan siasatan  
Perundangan • Perindustrian dan pengusahaan • Hutan lipur dan eko pelancongan  
Kejuruteraan hutan • Ladang hutan dan inovasi • Hasil bukan kayu dan latihan
- 34 PEJABAT HUTAN DAERAH**  
Kinta manjung • Kuala kangsar • Perak selatan • Larut matang • Hulu perak
- 40 PETUNJUK UTAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**
- 44 PERLEMBAGAAN, DASAR & UNDANG-UNDANG  
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**
- 48 IMBASAN 2016 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**
- 64 ARTIKEL 2016 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**
- 74 PROFIL PERHUTANAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**  
Negeri perak • Pejabat hutan daerah kinta manjung • Pejabat hutan daerah kuala kangsar  
Pejabat hutan daerah perak selatan • Pejabat hutan daerah larut matang  
Pejabat hutan daerah hulu perak
- 82 PERISTIWA 2016  
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**
- 102 LAMPIRAN  
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**







# > Redaksi

## **Penasihat**

Dato' Hj. Roslan Bin Ariffin

## **Pengerusi**


Encik Azni Rahman Bin A. Wahid

## **Setiausaha**

Encik Khairil bin Sarip

## **Ahli Jawatankuasa**

Encik Mohd Nazrul Hakim Bin Ghazali  
Cik Nurul Shasheila Binti Abdul Mutalib  
Puan Umi Kalsum Binti Nan  
Puan Shuhada Binti Sariban  
Cik Nur A'in Binti Chek Mustafa  
Puan Tinarossima Binti Badiauzaman  
Cik Zianharyati Binti Mohamed Yunus  
Encik Muhammad Firdaus Zulnaim Bin Johari  
Puan Noormastura Binti Aznam  
Puan Nur Farahdhila Binti Mohd Azhar  
Cik Nursimaa Nabihah Binti Husain  
Encik Mohd Annas Amin Bin Hj. Omar  
Puan Safiah Aimi Binti Md Isa  
Encik Muhammad Syahir Bin Mohd Nordin  
Cik Siti Noratikah Binti Mustafa  
Puan Noripah Binti Khalid  
Encik Mohd Fekri Bin Zulkafli  
Encik Mohd Hafiz Bin Mohd Noor  
Encik Mohd Jamil Bin Yusop







**ROYAL BELUM  
GERIK**



**PUSAT  
EKO-PELAJARAN  
HUTAN PAYA  
LAUT MATANG  
TAIPING**

**TAMAN EKO-RIMBA  
ULU KENAS  
KUALA KANGSAR**

**TAMAN EKO-RIMBA  
KLEDANG SAIONG  
IPOIH**

**TAMAN EKO-RIMBA  
LATA KINJANG  
TAPAH**

**TAMAN EKO-RIMBA  
KUALA WOH  
TAPAH**





# > Perutusan



Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Syukur Alhamdulillah ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2016 ini telah berjaya diterbitkan seperti yang telah dirancang. Laporan tahunan ini merangkumi dokumentasi yang menerangkan pencapaian Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) selaras dengan misi dan visi jabatan yang telah ditetapkan. Penerbitan laporan tahunan merupakan salah satu dokumentasi penting untuk rujukan pada masa akan datang, yang mengandungi maklumat-maklumat penting berkaitan dengan jabatan ini termasuklah aktiviti-aktiviti dan peristiwa-peristiwa yang berlaku sepanjang tahun 2016. Pelaksanaan perancangan pembangunan dan operasi sepanjang 2016 telah dilaksanakan dengan jayanya bagi mencapai hasrat jabatan dalam menjadi agensi yang terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan. Negeri Perak masih berjaya mengekalkan jumlah keluasan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia iaitu seluas 997,604.12 hektar atau 47.46% daripada keseluruhan keluasan tanah Negeri Perak. Berdasarkan keluasan semasa kawasan HSK di Negeri Perak, ini bermakna keluasan hutan di Negeri Perak mampu menyerap dan menyimpan sekurang-kurangnya 148 juta tan metrik karbon. Menurut kajian, 22 batang pokok dewasa boleh membekalkan oksigen kepada satu (1) orang setiap hari, manakala 0.405 hektar kawasan berhutan mampu membekalkan oksigen kepada 18 orang setahun. Komposisi pokok di kawasan berhutan Negeri Perak mengandungi sekurang-kurangnya sebanyak 404 pokok setiap hektar. Ini bermakna, 997,604.12 hektar kawasan HSK di Negeri Perak mampu menghasilkan 181,364 tan metrik oksigen setahun atau membekalkan oksigen kepada lebih 30 juta orang. Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah melancarkan program "Kempen Tanaman 5 Juta Pokok" dalam tempoh lima (5) tahun di seluruh Negeri Perak. Sejak tahun 2013 sehingga Disember 2016, sebanyak 12,439,456 pokok telah berjaya ditanam yang melibatkan keluasan seluas 6,862.25 hektar. Ini bermakna, jumlah tanaman pokok yang telah ditanam tersebut mampu membekalkan oksigen kepada lebih kurang 565,430 orang setahun daripada 2.4 juta penduduk di Negeri Perak.

Kerajaan Negeri juga komited dalam aspek penghijauan semula (*greening*) atau restorasi lanskap di persekitaran paya laut dan kawasan persisir pantai negeri bagi menjamin keselamatan hakisan pantai dan mengurangkan risiko bencana tsunami pada masa akan datang. Usaha memelihara dan memulihara persekitaran paya laut dan kawasan persisir pantai di negeri ini telah bermula sejak tahun 2005 lagi dimana sehingga Disember 2016, sebanyak 1,128,105 pokok bakau dan spesies bersesuaian telah ditanam yang melibatkan pemulihan kawasan seluas 323.60 hektar paya laut dan persisiran pantai. Aktiviti restorasi secara berterusan di kawasan-kawasan ini boleh menyumbang kepada pengurangan risiko bencana hakisan pantai dan angin kencang sekurang-kurangnya tujuh (7) buah kampung di sekitar Mukim Lekir, Daerah Kinta/Manjung. Kerajaan Negeri Perak sangat komited dalam menjamin pemuliharaan dan pemeliharaan seluruh Hutan Paya Laut di Negeri Perak agar ianya diurus dan dibangunkan dengan amalan Best Forest Practices. Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menerima Pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS ISO 14001:2004) bagi pengurusan Hutan Paya Laut Matang yang mana pensijilan ini merupakan yang pertama di Malaysia bagi Hutan Paya Laut.

## PENCAPAIAN

JPNPk memainkan peranan penting dalam usaha untuk merealisasikan wawasan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) untuk diiktiraf sebagai sebuah agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan. Tahun 2016 telah menyaksikan beberapa kejayaan penting yang telah dicapai oleh JPNPk. Berikut merupakan pencapaian JPNPk bagi tahun 2016:

- i. Sijil MS ISO 9001: 2008 bagi Pengurusan Pengeluaran Kayu Secara Berkekalan bagi Hutan Darat Asli di Hutan Simpanan Kekal bagi tempoh 10 September 2016-14 September 2016;
- ii. Sijil Pengurusan Hutan Secara Berkekalan bagi Hutan Darat Asli di Hutan Simpanan Kekal Negeri Perak Darul Ridzuan di bawah *Malaysian Timber Certification Scheme* (MTCS) bagi tempoh 1 Jun 2016 - 31 Mei 2019;
- iii. Johan Kategori Penerbitan (Hadiah Suar Bahasa 2016) anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka sempena Bulan Bahasa Kebangsaan bagi Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Tahun 2015 pada 26 Oktober 2016;
- iv. Pencapaian Kutipan Hasil Cukai Batu-batan tahun 2016 mencapai nilai 100% iaitu melebihi RM3 juta setahun;
- v. Pencapaian Kutipan Biji Benih oleh Pasukan Perolehan Biji Benih mencapai nilai 100% iaitu melebihi 50,000 biji;
- vi. Pencapaian Penggunaan Sistem Tindakan Pantas Pencerobohan Hutan (*Drone*) dan Penubuhan Pasukan (*Drone*)- *Hawk Eye*;
- vii. Pencapaian Penanaman sebanyak 2,006,432 juta pokok iaitu melebihi sasaran 2 juta pokok di bawah Program Penghijauan;
- viii. Pencapaian Pelaksanaan Operasi Penguatkuasaan Hutan menggunakan Kamera Perangkap di lokasi sensitif pencerobohan Hutan Simpanan Kekal; dan
- ix. Pencapaian Penggunaan Aplikasi QR Code pada 52 batang pokok di Taman Eko-Rimba Kledang Saiong bagi mengenal sifat-sifat dan pengecaman pokok-pokok hutan yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat (YAB) Menteri Besar Perak dalam Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Tahun 2016 dan Kembara Rimba Bersama YAB Menteri Besar Perak.

## PRESTASI

Sepanjang tahun 2016, Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan telah membelanjakan sebanyak RM31.7 juta Peruntukan Mengurus dan sebanyak RM12.13 juta Peruntukan Pembangunan di mana RM4.77 juta adalah melalui Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) dan RM7.36 juta adalah daripada Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan Negeri Perak (P07). Sementara itu, jabatan juga telah berjaya memperolehi pungutan hasil hutan kepada kerajaan negeri sebanyak RM44.65 juta serta kutipan ses Kumpulan Wang Pembangunan Hutan sebanyak RM11.14 juta.

Pada akhir tahun 2016, seluas 997,604.12 hektar kawasan berhutan di Negeri Perak Darul Ridzuan adalah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK). Keluasan ini merupakan





**JPNPk memainkan peranan penting dalam usaha untuk merealisasikan wawasan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) untuk diiktiraf sebagai sebuah agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan. Tahun 2016 telah menyaksikan beberapa kejayaan penting yang telah dicapai oleh JPNPk.**

97.63% daripada 1,021,781.32 hektar kawasan tanah berhutan dan 47.46% daripada 2,102,200.00 hektar jumlah keseluruhan keluasan tanah Negeri Perak Darul Ridzuan.

Tahun 2016 juga telah mencatatkan beberapa peristiwa penting dalam kalendar Perhutanan di Negeri Perak Darul Ridzuan. Antaranya ialah:

- i. Pertandingan Bicara Berirama 'Suara Rimba' peringkat Sekolah Menengah sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2016 di Dewan Rimbawan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak pada 5 Mac 2016 yang lalu;
- ii. Program *Corporate Social Responsibility (CSR)* Jabatan Perhutanan Negeri Perak bersama pihak PLUS di Plaza Tol Ipoh (Selatan) di mana sebanyak 500 batang pokok spesies Karas (*Aquilaria malaccensis*) telah diberi kepada pengguna lebuh raya pada 21 Mac 2016 yang lalu;
- iii. DYMM Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim berkenan merasmikan Majlis Sambutan 100 Tahun Pandu Puteri Kebangsaan Peringkat Negeri Perak di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang pada 16 April 2016 yang lalu;
- iv. Program Kembara Rimba siri kedua (ke-2) Bersama YAB Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan, Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Bin Abdul Kadir sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Tahun 2016 yang turut melibatkan penyertaan daripada kakitangan kerajaan dan masyarakat setempat pada 21 April 2016 yang lalu;
- v. Perasmian Majlis Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa 2016 Peringkat Kebangsaan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang pada 18 Ogos 2016 yang lalu; dan
- vi. Program Perhutanan Sosial Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan bersama pihak PLUS dan Politeknik Sultan Azlan Shah di (Taman Eko-Rimba) Kuala Woh, Tapah pada 11 November 2016 yang lalu.

**DATO' HJ. ROSLAN BIN ARIFFIN**  
Pegawai Perhutanan Negeri  
Perak Darul Ridzuan.

## HARAPAN

Besarliah harapan saya agar jabatan ini dapat meningkatkan usaha ke arah pemeliharaan sumber asli agar dapat ditadbir urus dan dibangunkan secara sistematik berdasarkan kepada pengurusan hutan secara berkekalan untuk menjamin sumbangannya yang berterusan. Oleh itu, strategi dan rancangan pembangunan perhutanan telah diatur supaya pengurusan dan pemuliharaan khazanah hutan dapat dimanfaatkan dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, ini hanya dapat dicapai dengan sokongan dan kesedaran semua pihak.

Saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada sidang redaksi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan laporan tahunan ini. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada semua pihak, khususnya warga kerja JPNPk yang telah menyumbang kepada pencapaian jabatan sepanjang tahun 2016. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, semua agensi dan pertubuhan yang berkaitan atas kerjasama serta sokongan yang berterusan. Sayangi hutan kita.

Sekian, terima kasih.







# > Perspektif

## WAWASAN

Menjadi Agensi Terunggul dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan.

## OBJEKTIF

- Untuk menguruskan sumber hutan secara berkekalan bagi pengeluaran hasil yang berkekalan dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum dan bersesuaian dengan keperluan alam sekitar.
- Untuk meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan.
- Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan.
- Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian hayat hutan, air, tanah dan penggunaannya secara berkekalan.
- Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambah aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi.
- Untuk memperkukuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sektor perhutanan. Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat.
- Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negara, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan.

## MISI

Untuk Mengurus dan Membangunkan Sumber Hutan Secara Berkekalan Serta Mengoptimumkan Sumbangannya kepada Pembangunan Sosio Ekonomi Negara.

## PIAGAM PELANGGAN

- Semua permohonan untuk mengeluarkan hasil-hasil hutan atau menjalankan kilang berasaskan kayu akan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- Lesen-lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat-syarat kelulusan dipatuhi.
- Lesen untuk menjalankan kilang berasaskan kayu akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat kelulusan.
- Keputusan mengenai permohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan kilang berasaskan kayu akan diberi dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima.
- Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) hari dan dijawab di dalam tempoh masa tujuh (7) hari bekerja.
- Memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin serta layanan yang mesra setiap masa.





## STRATEGI JABATAN

### • Strategi Pengurusan Sumber Hutan

Memperkukuhkan kedudukan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan merumuskan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri dan Rancangan Kerja Hutan Daerah untuk jangka masa panjang serta melaksanakan tugas pengurusan sumber hutan secara teratur dan intensif.

### • Strategi Pengusahaan Sumber Hutan

Melaksanakan operasi pengusahaan hutan mengikut Sistem Pengurusan Memilih (SMS) secara sistematik dan terkawal demi untuk mengurangkan kerosakan terhadap dirian tinggal serta anak-anak benih dan mengawal keseimbangan ekologi serta kestabilan alam sekitar dengan melaksanakan pengusahaan hutan mengikut Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang telah ditetapkan.

### • Strategi Pembangunan Sumber Hutan

Melaksanakan kerja-kerja pemulihan hutan asli secara teratur menerusi rawatan silvikultur ke arah mencapai produktiviti hutan yang maksimum dengan mempergiatkan usaha-usaha menghidupkan semula kawasan-kawasan hutan simpan yang kurang produktif, tanah-tanah kerajaan yang terbiar dan tanah-tanah agensi kerajaan atau individu yang terbiar.

### • Strategi Pembangunan Industri Kayu-kayan

Mengawal selia perjalanan industri-industri berasaskan kayu ke arah mempertingkatkan mutu pengeluaran dan menggalakkan pertumbuhan industri berasaskan kayu secara hiliran di samping keluaran utama bagi meningkatkan nilai tambahan kepada industri dan hasil negeri serta memberi nasihat teknikal dari masa ke semasa berdasarkan pembangunan teknologi moden dan canggih.

### • Strategi Pemulihan dan Rekreasi

Mengawal selia kawasan hutan secara intensif bagi kestabilan alam sekitar dan mengekalkan kepelbagaian hayat di dalam hutan-hutan asli serta mempertingkatkan kemudahan infrastruktur di kawasan rekreasi tanpa menjejaskan keasliannya.

### • Strategi Pembangunan dan Latihan

Melaksanakan aktiviti-aktiviti pengembangan dan serantau kepada semua lapisan masyarakat kesedaran awam tentang peranan dan perkhidmatan Jabatan Perhutanan. Memberi segala bentuk nasihat teknikal berhubung dengan hutan dan fungsinya serta berkenaan dengan pokok dan peranannya. Meningkatkan kecekapan kakitangan menerusi program-program latihan, kursus dan seminar untuk memberi pendedahan asas profesionalisme perhutanan di kalangan pegawai-pegawai hutan mengikut peredaran masa.

### • Strategi Penguatkuasaan Undang-undang

Melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan hutan secara berkesan dan intensif berdasarkan Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985, Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1987, Kaedah-kaedah Hutan 1988 dan Kaedah Industri Berasaskan Kayu 1990 serta melengkapkan pasukan atau unit penguatkuasaan dengan alat-alat kemudahan dan kemahiran di dalam melaksanakan tanggungjawab penguatkuasaan.



## STRATEGI KORPORAT

- Mengekalkan keluasan Hutan Simpanan Kekal sedia ada dan meningkatkan keluasannya.
- Melaksanakan Kriteria, Petunjuk, Aktiviti dan Piawaian Pelaksanaan Pensijilan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (MC&I) dan Pensijilan MS ISO 9001 : 2008.
- Melaksanakan Rancangan Pengurusan Hutan secara intensif dan sistematik serta mewujudkan Komunikasi dan Teknologi Maklumat (ICT) Perhutanan yang terkini untuk meningkatkan sumbangan Sektor Perhutanan terhadap Pembangunan negeri.
- Mengurus kawasan pengeluaran, pemuliharaan dan perlindungan hutan berdasarkan kelas kegunaannya di samping menguatkuasakan undang-undang hutan yang cekap lagi berkesan.
- Menyedia Pelan Induk untuk memajukan hutan lipur di samping mempromosikannya sebagai destinasi pelancongan.
- Meningkatkan teknologi mesra alam dalam pengusahasilan serta penggunaan sisa-sisa hutan dan kilang selain menggalakkan pemprosesan hiliran keluaran hutan.
- Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan hutan melalui penyebaran maklumat-maklumat perhutanan.
- Menggalakkan serta menyokong Program Perhutanan-Tani dan Aktiviti Perhutanan Bandar.
- Melaksanakan Program Pembangunan Sumber Manusia.
- Mengadakan kemudahan infrastruktur yang mencukupi.







# Pengurusan & Pentadbiran

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK







**DATO' HAJI ROSLAN BIN ARIFFIN**  
Pengarah Perhutanan Negeri



# >Ahli Direktorat



**DR. MOHD HIZAMRI BIN MOHD YASIN**  
Timbalan Pengarah (Pembangunan)  
(Sehingga 31 Julai 2016)

**ENCIK AZNI RAHMAN BIN A. WAHID**  
Timbalan Pengarah (Operasi)





**ENCIK MOHD AINURRIDHA BIN AHMAD MAJDI**  
Ketua Penolong Pengarah (Khidmat Pengurusan)

---

**KOSONG**  
Ketua Penolong Pengarah (Perancangan dan Pengurusan)

---

**KOSONG**  
Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasaan Hutan)

---

**KOSONG**  
Ketua Penolong Pengarah (Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi)





## > Pegawai Kanan

### PEMBANGUNAN

*dari kiri*

**ENCIK MUHAMMAD EZHAR BIN YUSUF**  
PENOLONG PENGARAH PERANCANGAN DAN PENGURUSAN

**CIK ROSAIZAN HARYANI BINTI ROSLI**  
PENOLONG PENGARAH SILVIKULTUR DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI

**PUAN WAN NOOR AISHAH BINTI WAN BAHARUDIN**  
PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

**PUAN NOOR AIDA BINTI DEROS**  
PENOLONG PENGARAH HASIL BUKAN KAYU DAN LATIHAN

**PUAN NGU MOOI YEAN** (TIADA DALAM GAMBAR)  
PENOLONG PENGARAH LADANG HUTAN DAN INOVASI





## > Pegawai Kanan

### OPERASI

*dari kiri*

**CIK CHOONG HUEY JIN**

PENOLONG PENGARAH HUTAN TAMAN NEGERI

**ENCIK MUHAMMAD EZHAR BIN YUSUF**

PENOLONG PENGARAH PENGUATKUASAAN HUTAN (MEMANGKU)

**PUAN HALIMATUL SAADIAH BINTI MUHAMMAD DAUD**

PENOLONG PENGARAH PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN

**ENCIK KHAIRIL BIN SARIP**

PENOLONG PENGARAH PENGUATKUASAAN SIASATAN

**PUAN PUNITHA A/P SIVARAJI**

PEGAWAI UNDANG-UNDANG

**(KOSONG)**

PENOLONG PENGARAH HUTAN LIPUR DAN EKO PELANCONGAN

**(KOSONG)**

PENOLONG PENGARAH PENGUATKUASAAN HUTAN





## > Pegawai Hutan

### DAERAH

*dari kiri*

**ENCIK MOHD HADRE BIN MOHAMAD**  
PEGAWAI HUTAN DAERAH PERAK SELATAN

**ENCIK MOHD FARIS BIN SOBRI**  
PEGAWAI HUTAN DAERAH LARUT & MATANG

**PUAN SITI SYAFIQAH BINTI YUSOF**  
PEGAWAI HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG

**ENCIK AZHAR BIN ANUAR**  
PEGAWAI HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR

**ENCIK AZRUL EKHUAN BIN ELIAH**  
PEGAWAI HUTAN DAERAH HULU PERAK





## > Penolong Pegawai Hutan

### DAERAH

*dari kiri*

**ENCIK MUHAMMAD NORSYAHIR BIN MOHD NORDIN**  
PENOLONG PEGAWAI HUTAN DAERAH PERAK SELATAN

**PUAN SAFIAH AIMI BINTI MD ISA**  
PENOLONG PEGAWAI HUTAN DAERAH HULU PERAK

**ENCIK MOHD ANNAS AMIN BIN HJ.OMAR**  
PENOLONG PEGAWAI HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG

**ENCIK MOHD HAFIZ BIN MOHD NOOR**  
PENOLONG PEGAWAI HUTAN DAERAH LARUT & MATANG

**(KOSONG)**  
PENOLONG PEGAWAI HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR





## > Penolong Pegawai

### PEMBANGUNAN

*dari kiri*

**CIK ZIANHARYATI BINTI MOHAMED YUNUS**  
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

**CIK NUR A'IN BINTI CHEK MUSTAFA**  
PENOLONG PEGAWAI PERANCANGAN DAN PENGURUSAN

**PUAN UMIKALSUM BINTI NAN**  
PENOLONG PEGAWAI LADANG HUTAN DAN INOVASI

**CIK NORHAFIEZAH BINTI ABU SAMAH**  
PENOLONG PEGAWAI SILVIKULTUR DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI

**ENCIK MOHD FEKRI BIN ZULKAFLI**  
PENOLONG PEGAWAI PERANCANGAN DAN PENGURUSAN

**PUAN NUR FARAHDILA BINTI MOHD AZHAR**  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR

**CIK NURSIMAA NABIHAH BINTI HUSAIN**  
PENOLONG PEGAWAI HASIL BUKAN KAYU DAN LATIHAN

**PUAN NORIPAH BINTI KHALID**  
PENOLONG PEGAWAI SILVIKULTUR DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI

**PUAN SHUHADA BINTI SARIBAN**  
PENOLONG PEGAWAI HASIL BUKAN KAYU DAN LATIHAN





## > Penolong Pegawai

### OPERASI

*dari kiri*

**ENCIK SAMSUL RIZAL BIN IDRIS**

PENOLONG JURUTERA PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK

**ENCIK SHAIFUL AZHAR BIN SHAFEI**

PENOLONG JURUTERA PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR

**ENCIK IWAN MOHAMAD FAIZAL BIN HAMIDI**

PENOLONG JURUTERA IBU PEJABAT PERHUTANAN NEGERI PERAK

**PUAN ROZANA BINTI BAHARUDDIN**

PENOLONG JURUTERA IBU PEJABAT PERHUTANAN NEGERI PERAK

**PUAN TINAROSSIMA BINTI BADIAUZAMAN**

PENOLONG PEGAWAI PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN

**TUAN HAJI YUSOF BIN AHMAD**

PENOLONG JURUTERA PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN

**CIK NURUL SHASHEILA BINTI ABDUL MUTALIB**

PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASAAN SIASATAN

**CIK SITI NORATIKAH BINTI MUSTAFA**

PENOLONG PEGAWAI HUTAN LIPUR DAN EKO PELANCONGAN

**ENCIK MUHAMMAD FIRDAUS ZULNAIM BIN JOHARI**

PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASAAN HUTAN

**ENCIK MOHD NAZRUL HAKIM BIN GHAZALI**

PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG

**ENCIK SAMSUDIN BIN ABAS**

PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASAAN SIASATAN






# Carta Organisasi & Unit

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK





# > Carta Organisasi



BERDASARKAN WARAN PERJAWATAN NEGERI BIL. 03/2016

JAWATAN PERSEKUTUAN BERDASARKAN WARAN PERJAWATAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA





## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

KETUA PENOLONG PENGARAH:

**ENCIK MOHD AINURRIDHA BIN AHMAD MAJDI (M48)**

PENOLONG PENGARAH:

**PUAN WAN NOOR AISHAH BINTI WAN BAHARUDDIN (M44)**

PENOLONG PEGAWAI:

**PUAN NUR FARAHDHILA BINTI MOHD AZHAR (N29)**

KETUA PEMBANTU TADBIR:

**PUAN HAMIDAH BINTI MAAROF (W26)**

**-KEWANGAN**

KETUA PEMBANTU TADBIR:

**PUAN KHARIYAH BINTI MOHD AMRAN (N22)**

**-PENTADBIRAN**

KETUA PEMBANTU TADBIR:

**PUAN NOORHASLINA BINTI ABD HADI (W22)**

**- HASIL**

**Pengurusan yang cekap dan berkesan bagi memastikan objektif tercapai sepenuhnya dengan pendekatan yang strategik dari segi perancangan, pengawasan serta pengawalan dalam urusan pentadbiran, kewangan, hasil dan Teknologi Maklumat.**

- Menguruskan peruntukan Belanja Mengurus (B25), Pembangunan (P07), Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Perak (KVVPH) dan Perbelanjaan Persekutuan (P23) untuk Jabatan Perhutanan Negeri Perak;
- Pengurusan kewangan dan akaun seperti penyediaan anggaran belanjawan tahunan, gaji, elaun-elaun, projek pembangunan, pembelian barang-barang dan perkhidmatan dan pembayaran tuntutan kewangan;
- Bertanggungjawab bagi mengutip hasil termasuk premium, royalti, ses pembangunan hutan dan caj-caj lain serta laporan shuttle;
- Menyelaraskan urusan keselamatan dokumen, fizikal, peribadi dan rekod bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak;
- Menguruskan urusan surat menyurat, urusan perjalanan fail termasuk pembukaan dan penutupan fail;
- Mengendali segala aspek pengurusan pentadbiran bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak;
- Pengurusan Sumber Manusia berhubung perjawatan, rekod cuti, tatatertib dan perkhidmatan anggota di Jabatan Perhutanan Negeri Perak;
- Mempertingkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pegawai dan kakitangan melalui program latihan umum melibatkan perkhidmatan dan kewangan seperti yang telah dirancang; dan
- Mengendali penyelenggaraan peralatan ICT, mengurus perisian-perisian aplikasi dan kemudahan, pengurusan laman web jabatan, bantuan teknikal pengemaskinian data dan hal-hal lain yang berkaitan.







## KEWANGAN

### DARI KIRI:

Muhammad Firdaus Bin Sulaiman, Mohd Noor Jefry Bin Noorizan, Virginaletchumi A/P R.Govindrajan, Nooraini Bt Huri, Zianharyati Bt Mohamed Yunus, Wan Noor Aishah Bt Wan Baharuddin, Hamidah Bt Maarof, Reginamary A/P Singarayar, Hanisah Bt Mohamad Hariri dan Ahmad Maulana Al-Hafiz bin Abdul Hamed



## PENTADBIRAN

### DARI KIRI HADAPAN:

Suhaimi Bin Zainuddin, Putri Noor Shuhaidah Bt Megat Mohd Ghazali, Khariyah Bt Mohd Amran, Mohd Ainurridha Bin Ahmad Majdi, Nur Farahdhila Bt Mohd Azhar, Raja Halifuddin Bin Raja Ekram

### DARI KIRI TENGAH:

Nurul Hamisah Bt Jamaludin, Pairoos Hayati Bt MacYunus, Natashah Bt Ahmad Nazri, Mohamed Fadzail Bin Mohamed Isa, Kartina Bt. Harun

### DARI KIRI BELAKANG:

Hasimah Bt Jamaludin, Badrul Hisham Bin Haji Ahmad, Nur Faiza Bt. Ghazali, Omar Bin Mohamed Affendi, Subramaniam A/L Soorianarayanan, Ibrahim Bin Said, Maziah Bt Ramli, dan Mohd Fariz Bin Ismail.



## HASIL

### DARI KIRI:

Mohd Uzaini Bin Salim, Wan Noor Asyikin Bt Anuar, Jegatheswary A/P R.A Sekaran, Bachan Singh A/L Jah Singh, Wan Noor Aishah Bt Wan Baharuddin, Maizatul Nadhrah Bt Mior Ibrahim, Noorhaslina Bt. Abd Hadidan Nur Fazila Bt Elias





## PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HUTAN

**KETUA PENOLONG PENGARAH:  
(KOSONG)**

**PENOLONG PENGARAH:  
ENCIK MUHAMMAD EZHAR BIN YUSUF (G44)**

**PENOLONG PEGAWAI:  
I. ENCIK MOHD FEKRI BIN ZULKAFLI (G29)  
II. CIK NUR A'IN BINTI CHEK MUSTAFA (G29)**

**PENOLONG PEMELIHARA HUTAN:  
ENCIK HAMZAH BIN ISA (G29)**

Seksyen ini bertanggungjawab mengurus kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) secara sistematik dengan merekod pewartaan hutan sama ada pewartaan masuk dan pemansuhan HSK, merancang dan melaksanakan program dan aktiviti Pengurusan Sumber Hutan seperti mencuci dan menanda sempadan luar HSK dan Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F) dengan matlamat Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Aktiviti lain adalah merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pembangunan Hutan Asli dengan tujuan memelihara hutan semulajadi untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan seperti Hutan Simpanan Dara (Virgin Jungle Reserve, VJR) dan Hutan Pemeliharaan Tinggi (High Conservation Value Forest, HCVFs).

Seksyen ini turut bertanggungjawab dalam merancang dan menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan (RPH),

**HADAPAN DARI KIRI:**

Mohd Fekri bin Zulkafli, Hamzah bin Isa, Muhammad Ezhar bin Yusuf dan Nur A'in binti Chek Mustafa

**TENGAH DARI KIRI:**

Saari bin Ali, Abdul Hafiz bin Abdul Latif, Asmizul bin Razak, Muhamad Sayfuan bin Mohd Suhaimin, Nurul Addenin binti Rahman dan Ruzainie binti Mohd Radzi

**BELAKANG DARI KIRI:**

Azizi bin Othman, Mohd Faisal bin Mohammad Azahar, Mirzanizam bin Mazlan, Muhamad Khafadzi bin Zulkapli, Abdul Hamed bin Abd@ Mohd Lut, Shahrulnizam bin Rosdi dan Mohd Rosli bin Yusuf

Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Matang (RKH) dan menyelaras penyediaan Rancangan Tahunan Hutan (RTH) di setiap Daerah Pentadbiran Hutan bagi Negeri Perak. Di samping itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk menyelaras penubuhan dan perkembangan petak-petak kajian serta menyelaras pelaksanaan kriteria dan petunjuk untuk Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia (MC&I (Hutan Asli)) bagi FMU Perak.

Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan Projek Central Forest Spine (CFS) di Negeri Perak. CFS seperti yang diterjemahkan di dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN) merupakan tulang belakang bagi rangkaian persekitaran Kawasan Sensitive Alam Sekitar (KSAS) dalam Semenanjung Malaysia. RFN telah mengenalpasti fragmentasi hutan sebagai ancaman kepada pemuliharaan hutan dan perlindungan biodiversiti. Oleh yang demikian, seksyen ini akan mengenalpasti kepelbagaian penggunaan kawasan hutan untuk dipertingkatkan lagi melalui pengenalpastian kawasan CFS dan program untuk mewujudkan jaringan dan koridor bagi tujuan penyatuan kawasan fragmen hutan dalam mewujudkan keseimbangan dan faedah di antara arus pembangunan dan aktiviti pemuliharaan.





# SILVIKULTUR DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI

Seksyen ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti rawatan silvikultur hutan (Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F), rawatan dan tanaman mengaya, memotong akar dan pepanjat) pemulihan kawasan terosot, tanaman dan rawatan bakau dan pemantauan pokok ibu. Selain itu, seksyen ini turut bertanggungjawab untuk menyelaraskan segala keperluan di tapak semaian. Seksyen ini turut berperanan dalam menyelaras pelaksanaan Pensijilan Kualiti MS ISO 9001:2008 dan Pensijilan Alam Sekitar MS ISO 14001:2004. Di samping itu, Seksyen ini turut bertanggungjawab untuk menyelaraskan rekod dan prestasi perbelanjaan projek-projek Pembangunan Hutan yang diterima oleh pihak jabatan.

KETUA PENOLONG PENGARAH:  
**KOSONG**

PENOLONG PENGARAH:  
**CIK ROSAIZAN HARYANI BINTI ROSLI (G44)**

PENOLONG PEGAWAI:  
**I. PUAN NORIPAH BINTI KHALID (G29)**  
**II. CIK NORHAFIEZAH BINTI ABU SAMAH (G29)**

PENOLONG PEMELIHARA HUTAN:  
**ENCIK AHMAD NAZERI BIN SHAHABUDDIN (G29)**

**HADAPAN DARI KIRI:**

Norwati Bt Sidek, Armelia Bt Abdul Rahman, Norhafiezah Bt Abu Samah, Rosaizan Haryani Bt Rosli, Ahmad Nazeri Bin Shahabuddin, Noripah Bt Khalid, Ahmad Nazam Bin Noh, Panjang Azmi Bin Ismail dan Mohd Khairul Nizam Bin Shaari

**BELAKANG DARI KIRI:**

Azrul Bin Abdul Hadi, Muhammad Amirul Hakim Bin Badrul Hisham, Sharuddin Bin Yeop Nordin, Sani Bin Idris, Azalanzazlay Bin Mohd Sarif, Azarani Bin Rawi dan Mohd Yasrul Shahrin Bin Yusop Baseri







## PENGUATKUASAAN HUTAN

Seksyen Penguatkuasaan Hutan adalah bertujuan untuk mencegah dan membanteras kesalahan hutan di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), hutan tanah Kerajaan, Kawasan Lesen dan permit, premis Industri Berasas Kayu (IBK), dan juga semasa pemindahan hasil hutan. Penguatkuasaan Hutan adalah penting bagi memastikan matlamat pengurusan sumber hutan secara berkekalan khususnya dalam HSK dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Aktiviti penguatkuasaan meliputi cara dan prosedur pengesanan kesalahan, membuat tangkapan, penyitaan, siasatan dan pendakwaan. Secara khususnya aktiviti ini ialah untuk menguatkuasakan Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984), Kaedah-Kaedah Hutan (KKH), Enakmen Industri Berasas Kayu (EIBK) dan Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu (KKIBK).

KETUA PENOLONG PENGARAH:  
**(KOSONG)**

PENOLONG PENGARAH:  
**(MEMANGKU)**  
**ENCIK MUHAMMAD EZHAR BIN YUSUF (G44)**

PENOLONG PEGAWAI:  
**ENCIK MUHAMMAD FIRDAUS ZULNAIM BIN JOHARI (G29)**

PENOLONG PEMELIHARA HUTAN:  
**ENCIK KHAIRULRIZAL BIN ABU KASSIM (G29)**



**Dari Kiri (Hadapan):**

Sulaiman Bin Saleh, Meor Izwan Bin Zainal Abidin, Mohamad Radzuan Bin Shaari, Rizalman Bin Mohamad, Muhammad Firdaus Zulnaim Bin Johari, Muhammad Ezhar Bin Yusuf, Khairulrizal Bin Abu Kassim, Muhammad Fazrul Nizar Bin Abdullah Sani, Ahmad Idzwan Bin Mustapa@Mustafa dan Syed Huzaili Bin Syed Husin

**Dari Kiri (Belakang):**

Ahmad Bin Ali, Badrul Hadi Bin Shaaruddin dan Khirudin Bin Shamsudin





**HADAPAN DARI KIRI:**

Syahirah Bt Sulaiman, Nurul Shasheila Bt Abdul Mutalib, Khairil Bin Sarip, Samsudin Bin Abas dan Muhammad Hafizzuddin Bin Mahamood



## PENGUATKUASAAN SIASATAN

Unit ini bertanggungjawab melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti siasatan dan pendakwaan di mahkamah bagi kes kesalahan hutan serta memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal berkaitan siasatan kepada Pegawai Penyiasat Jabatan Perhutanan Negeri Perak selaras dengan peruntukan Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 serta undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

PENOLONG PENGARAH:  
**ENCIK KHAIRIL BIN SARIP (G44)**

PENOLONG PEGAWAI:  
**I. ENCIK SAMSUDIN BIN ABAS (G32)**  
**II. CIK NURUL SHASHEILA BINTI ABDUL MUTALIB (G29)**





## PERUNDANGAN

Seksyen ini bertanggungjawab dalam mengkaji kertas siasatan kesalahan hutan dan memberi nasihat serta arahan berkaitan dengannya, mengendalikan perbicaraan dan prosiding jenayah kesalahan hutan di Mahkamah, memberi nasihat undang-undang berkenaan perkara-perkara yang dirujuk oleh jabatan, mendraf atau menyemak dokumen undang-undang seperti perjanjian dan memorandum persefahaman yang mana Jabatan merupakan salah satu pihak bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dilindungi dan menggubal dan menyemak perundangan utama dan perundangan subsidiari perhutanan.

PEGAWAI UNDANG-UNDANG:

**PUAN PUNITHA A/P SIVARAJI (L44)**

PENOLONG PEGAWAI:

**ENCIK MOHD NAZRUL HAKIM BIN GHAZALI (L32)**

### **DARI KIRI:**

Norlianawati Bt Razali, Punitha A/P Sivaraji dan Mohd Nazrul Hakim Bin Ghazali







#### **DARI KIRI:**

Mohammad Shakirim Bin Abdul Aziz, Nor Aiza Binti Bahri, Nur Azlin Binti Mazlan, Nurul Nazuha Bt. Mohd Zabidi, Marzuanis Bt. Mohd Tahir, Shaeir Shah B. Mohd Mukhtar, Halimatul Saadiah Bt. Muhammad Daud, Tinarossima Bt Badiuzzaman, Muhammad Hazwan Bin Azlan, Amirul Azuan Bin Zulkifli, Megat Iskandar Shah Bin Megat Yunus, Azrul Hisham B. Rasidi dan Muhammad Zubir Bin Shahrin



## **PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN**

Seksyen ini bertanggungjawab memantau pergerakan kayu balak dan kayu gergaji di kilang-kilang IBK; memantau perkembangan dan kemajuan penggunaan kayu serta pembangunan Industri Berasas Kayu di negeri Perak. Bagi Perlesenan Mengambil Hasil Hutan, seksyen ini bertanggungjawab memantau pengeluaran lesen memalak di Hutan Simpanan Kekal (HSK) supaya mematuhi Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang telah ditetapkan di samping menyelaraskan pengeluaran lesen pengusahasilan di Tanah Kerajaan, Tanah Milik dan Kup Arang Kayu (KAK) serta Kup Kayu Jaras (KKJ).

**PENOLONG PENGARAH:**

**PUAN HALIMATUL SAADIAH BINTI MUHAMMAD DAUD (G41)**

**PENOLONG PEGAWAI:**

**PUAN TINAROSSIMA BINTI BADIUZZAMAN (G29)**

**PENOLONG PEMELIHARA HUTAN:**

**ENCIK SHAIER SHAH BIN MOHD MUKHTAR (G29)**





# HUTAN LIPUR DAN EKO PELANCONGAN

Seksyen ini bertanggungjawab dalam merancang dan menyediakan Pelan Induk Taman Eko-Rimba serta melaksanakan program-program pembangunan Taman Eko-Rimba, menyelenggara dan mengurus setiap Taman Eko-Rimba selaras dengan permintaan dan kehendak masyarakat tempatan, merancang dan melaksanakan program-program pengembangan dan serantau dalam bidang perhutanan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan dan keperluan memelihara sumber hutan dan alam sekitar.

**DARI KIRI (HADAPAN):**

Abdul Rahman Bin Abdul Manap, Shahridan Bin Sahaban, Siti Noratikah Bt Mustafa, Choong Huey Jin, Norbaizura Bt Aris dan Azlan Bin Ahmad

**DARI KIRI (BELAKANG):**

Mohamad Fuad Bin Abdul Rani, Azril Bin Ramlee, Baizura Bt Bostamam, Norfamiza Bt Mohamad Sharif, Nur Shahidatul Husna Bt Abd. Razak, Nabihah Bt Abdul Azim dan Mohd Azlan Bin Tarbian

**TIADA DALAM GAMBAR:**

Abdul Halim Bin Mohd Ramlan dan Mohd Idrus Salmi Manja Bin Zainuddin

PENOLONG PENGARAH HUTAN TAMAN NEGERI:  
**CIK CHOONG HUEY JIN (G44)**

PENOLONG PENGARAH HUTAN LIPUR DAN EKO PELANCONGAN:  
**(KOSONG)**

PENOLONG PEGAWAI:  
**CIK SITI NORATIKAH BINTI MUSTAFA (G29)**

PENOLONG PEMELIHARA HUTAN:  
**CIK NORBAIZURA BINTI ARIS (G29)**







## KEJURUTERAAN

Seksyen ini bertanggungjawab dalam menyediakan anggaran peruntukkan dan melaksanakan kerja-kerja pembinaan pejabat, kuarters, Balai Pemeriksaan Hutan (BPH) dan lain-lain projek pembangunan yang dirancang termasuk projek-projek infrastruktur. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab untuk menyemak dan memberi ulasan ke atas cadangan pembinaan jalan hutan yang dikemukakan oleh pelesen, berpandukan kepada Spesifikasi Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013). Unit ini adalah komited untuk memastikan semua pembinaan, penyelenggaraan serta bayaran dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

PENOLONG JURUTERA KANAN:  
**(KOSONG)**

PENOLONG JURUTERA:

- I. PUAN ROZANA BINTI BAHARUDDIN (JA29)**
- II. ENCIK IWAN MOHAMAD FAISAL BIN HAMIDI (JA29)**
- III. PUAN NUR MALIZA BINTI MOHAMMAD AZMI (JA29)**
- IV. PUAN NOORMASTURA BINTI AZNAM (JA29)**



**DARI KIRI:**

Rozana Bt Baharuddin, Iwan Mohamad Faisal Bin Hamidi, Rosazlina Bt Rosdi dan Muhamad Shafik Bin Mohd Ali





## LADANG HUTAN DAN INOVASI

Seksyen ini bertanggungjawab untuk melaksanakan dan menyelaraskan pembangunan dan pengurusan ladang hutan, pembangunan hutan tani, tapak semaian, pencegahan serta pengawalan kebakaran hutan, penyakit agen perosak dan kutipan biji benih. Selain itu, seksyen ini bertanggungjawab merancang dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti untuk menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan warga Jabatan ke arah pembudayaan dan pemerkasaan inovasi dalam sektor awam

### DARI KIRI:

Suhaimi Bin Ibrahim, Megat Nor Ismail Bin Megat Saari, Mohd Tarmizi Bin Saisi, Fozil Bin Ahmad, Awang Bin Chik, Mohd Isa Bin Chik, Harimanali Bin Mohd Rasdi, Shamsuri Bin Muhammad, Mohd Khairul Bin Mohd Nor, Mohd Fakhri Bin Mat Radzi, Umikalsum Bt Nan, Rushiah Bt Sujak, Abdul Razak Bin Wahi, Mohamed Johari Bin Busu, Badrul Nizam Bin Che' Ri, Masturaidayu Bt Che Ri dan Franmisa A/P Mat

### PENOLONG PENGARAH:

**PUAN NGU MOOI YEAN (G41 )**  
– TIADA DALAM GAMBAR

### PENOLONG PEGAWAI:

**PUAN UMIKALSUM BINTI NAN (G29)**

### PENOLONG PEMELIHARA HUTAN:

**ENCIK MOHD FAKHRI BIN MAT RADZI (G29)**





# HASIL BUKAN KAYU DAN LATIHAN

Seksyen Hasil Bukan Kayu dan Latihan ini bertanggungjawab dalam merancang, melaksanakan dan menyelenggara;

- Kerja-kerja penubuhan dan penyelenggaraan bagi kawasan tanaman buluh, rotan dan herba;
- Lesen-lesen yang berkaitan pengusahaan berasaskan produk bukan kayu seperti buluh, rotan, getah dan batu batan (kuari);
- Program, latihan, kursus tahunan serta peperiksaan perkhidmatan kepada kakitangan JPNPK; dan
- Aktiviti pengembangan perhutanan melalui ceramah dan kempen kesedaran.

## DARI KIRI:

Ahmad Shukri Bin Mohamed Nasir, Mohd Sahid Bin Husain, Haji Mohd Saleh Bin Kamaruddin, Hamidi Bin Yob, Muhammad Haidir Bin Saleh, Noor Aida Bt Deros, Nursimaa Nabihah Bt Husain, Shuhada Bt Sariban dan Zailatul Akmar Bt Abdullah

PENOLONG PENGARAH:

**PUAN NOOR AIDA BINTI DEROS (G41)**

PENOLONG PEGAWAI:

**I. PUAN SHUHADA BINTI SARIBAN (G29)**

**II. CIK NURSIMAA NABIHAH BINTI HUSAIN (G29)**

PENOLONG PEMELIHARA HUTAN:

**TUAN HAJI MOHD SALEH BIN HAJI KAMARUDDIN (G29)**







# Pejabat Hutan Daerah

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK





# KINTA/MANJUNG

---

PEGAWAI HUTAN DAERAH

**PUAN SITI SYAFIQAH BINTI YUSOF (G44)**

---

PENOLONG PEGAWAI HUTAN DAERAH

**ENCIK MOHD ANNAS AMIN BIN HAJI OMAR (G29)**

---

PENOLONG PEMELIHARA HUTAN (PEJABAT RENJER HUTAN)

**I. BT GAJAH (U) - ENCIK AHMAD ZAMRI BIN MAT ISA (G29)**

**II. BT GAJAH (S) - ENCIK NOOR AZLAN BIN HASSAN (G29)**

**III. BERUAS - ENCIK NOR AZAHAR BIN ISMAIL (G29)**



Dari Kiri : Norasiah Binti Mihan, Normie Aziela Binti Mat Nasir, Nurul Hafizah Binti Mat Sani, Nadzri Bin Abdullah, Ahmad Daud Bin Mohd Isa, Fadzil Bin Mohamed, Mohd Ariffuddin Bin Ramli, Abu Hassan Bin Husin, Boestame Bin Md Nasir, Abdul Latif Bin Zambli, Ahmad Fauzi Zainal Abidin, Mohd Annas Amin Bin Haji Omar, Siti Syafiqah Binti Yusof, Nor Azhar Bin Ismail, Ahmad Zamri Bin Mat Isa, Noor Azlan Bin Hassan, Mohd Kamal Bin Adnan, Mohd Zulikefli Bin Hussain, Mohamed Rodzuan Bin Mohamed Noor, Fadzil Bin Abdul Waha, Azhar Bin Ahmad Jidin, Suraya Lee Binti Abdulla dan Nor Azimah Binti Zakaria

---



# KUALA KANGSAR

---

PEGAWAI HUTAN DAERAH

**ENCIK AZHAR BIN ANUAR (G44)**

---

PENOLONG PEGAWAI HUTAN DAERAH

**(KOSONG)**

---

PENOLONG PEMELIHARA HUTAN (PEJABAT RENJER HUTAN)

**I. K. KANGSAR**

- **ENCIK SHAHRUN BIN MURAD (G29)**

**II. LASAH**

- **ENCIK AHMAD NIZAM BIN NGAH (G29)**

**III. SG.SIPUT (U)**

- **ENCIK MOHD JAMIL BIN YUSOP (G29)**

**IV. MANONG**

- **ENCIK HADIL AZA BIN TURIDI (G29)**



Dari Kiri : Amir bin Hassan Shaari, Shariffulbahrin bin Mohamed, Khairul Anuar bin Mohamed Arbi, Abu Bakar bin Youb, Shaiful Azhar bin Shafei, Ahmad Nizam bin Ngah, Azhar bin Anuar, Hadil Aza bin Turidi, Shahrin bin Murad dan Mohd Jamil bin Yusop  
Belakang Dari Kiri : Hanizar bin Ismail, Kamalul Bahrin bin Muhamad Rashdi, Sufaimi binti Basiran, Nurul Ifwah binti Mohammad Nasir, Khairul Natasha binti Ismail, Abd Hakim bin Mohamed dan Ahmad Kamri bin Baharom

---



# PERAK SELATAN

PEGAWAI HUTAN DAERAH

**ENCIK MOHD HADRE BIN MOHAMAD (G41)**

PENOLONG PEGAWAI HUTAN DAERAH

**ENCIK MUHAMMAD NORSYAHIR BIN MOHD NORDIN (G29)**

PENOLONG PEMELIHARA HUTAN (PEJABAT RENJER HUTAN)

**I. BIDOR**

**- ENCIK MOHAMED ABDUL GHAZI BIN MOHAMAD ZAIN (G29)**

**II. SLIM RIVER**

**- ENCIK MOHD FAUZI BIN MOHD HASSAN (G29)**



Barisan Hadapan Dari Kiri: Mohamed Abdul Ghazi Bin Mohamad Zain, Muhammad Norsyahir Bin Mohd Nordin, Mohd Hadre Bin Mohamad, Mohd Fauzi Bin Mohd Hassan dan Afizam Bin Ariffin

Barisan Tengah Dari Kiri : Samsuddin Bin Yusop, Muhamad Zuraid Bin Abu Hassan, Suhaimi Bin Wahab, Noorhadzilah Binti Shafie, Mohd Hafiz Bin Muhamad Hassan, Arsad Bin Ahmad Rani, Mazni Bin Mohd Salleh, Yusof Bin Ahmad dan Ibrahim Bin Musa

Barisan Belakang Dari Kiri: Norhidayu Binti Mohamed Yusof, Noraina Binti Abdullah, Mohd Arizol Bin Mohd Ariffin, Zulkifli Bin Brahim, Nasaruddin Bin Omar, Nur Hidayat Bin Noor Azmi dan Ahmad Muzamir Bin Mohamed Yusoff



# LARUT DAN MATANG

PEGAWAI HUTAN DAERAH

**ENCIK MOHD FARIS BIN SOBRI (G44)**

PENOLONG PEGAWAI HUTAN DAERAH

**I. ENCIK MOHD HAFIZ BIN MOHD NOOR (G29)**

**II. KOSONG**

PENOLONG PEMELIHARA HUTAN (PEJABAT RENJER HUTAN)

**I. TAIPING**

- **ENCIK KHAIRULLAH BIN ABD LATIF (G29)**

**II. K. SEPETANG**

- **ENCIK HAIRUDIN BIN ABDUL HADI (G29)**

**III. K. TRONG**

- **PUAN ZURAINI BINTI SARUDIN (G29)**

**IV. SG. SEGA**

- **ENCIK ABDULLAH ZAWAWI BIN MOHD BASRI (G29)**

**V. SG. KERANG**

- **ENCIK MOHD MULANA BIN SUPIAN (G29)**



Baris Depan, Dari Kiri : Nadzruddin Bin Shamsudin, Mat Radi Bin Hamid, Mior Zanal Idris Bin Abdul Rashid, Khairullah Bin Abd Latif, Abdullah Zawawi Bin Mohd Basri, Hairudin Bin Abdul Hadi, Mohd Faris Bin Sobri, Mohd Hafiz Bin Mohd Noor, Mohd Mulana Bin Supian, Zuraini Binti Sarudin, Wan Azliyah Binti Ahmad, Raihan Binti Ahmad, Ahmad Fuad Bin Abdullah dan Muhamad Zaki Bin Redzuan@Che Rabuan.

Baris Belakang Atas Dari Kiri :Nor Azahar Bin Mohamed Noor, Roslan Bin Rus, Abdul Halim Bin Hassim, Zulbayri Bin Ismail, Safian Bin Saleh Fadzil, Sulaiman Bin Salleh, Abd Rahman Bin Ab Wahab dan Hafizi Bin Zainan.

Baris Belakang Bawah Dari Kiri :Mohd Zamzuri Bin Osman, Maznah Binti Mohamed Noor, Zainab Binti Hamir, Baizurina Binti Ahmad Shah, Norlila Binti Ramli, Zarina Binti Ahmad, Mohd Fairus Bin Salleh, Zamharirah Binti Othman dan Ramli Bin Abdul Hamid.

Baris Belakang Paling Depan :Anuar Bin Mohamed Yunus



# HULU PERAK

PEGAWAI HUTAN DAERAH

**ENCIK AZRUL EKHUAN BIN ELIAH (G44)**

PENOLONG PEGAWAI HUTAN DAERAH

**I. PUAN SAFIAH AIMI BINTI MD. ISA (G29)**

**II. KOSONG**

PENOLONG PEMELIHARA HUTAN (PEJABAT RENJER HUTAN)

**I. GERIK I**

**- ENCIK MOHD MERZUKI BIN MAT SALLEH (G29)**

**II. GERIK II**

**- ENCIK HASRIZAL BIN HUSSIN (G29)**

**III. PENGKALAN HULU**

**- ENCIK HILMI BIN HAMAD (G29)**

**IV. LAWIN**

**- ENCIK MUHAMMAD SUHAIMI BIN ABD. MAJID (G29)**

**V. LENGGONG**

**- ENCIK MOHD YUNUS BIN HARUN (G29)**



Barisan Hadapan Dari Kiri : Samsul Rizal Bin Idris, Hasrizal Bin Hussin, Muhammad Suhaimi Bin Abd. Majid, Mohd Yunus Bin Harun, Azrul Ekhuhan bin Eliah, Safiah Aimi Bt. Md. Isa, Hilmi Bin Hamad dan Mohd Merzuki Bin Mat Salleh.

Barisan Belakang Dari kiri: Ahmad Dzulkifli Bin Kama, Rosly Bin Yusuff, Rohani binti Sulaiman, Thiyagu A/L Muniyandy, Saliza Bt. Baharom, Asmawati Bt. Sakri, Emi Salwanis Bt. Solihin, Norzalita Bt. Mustafa, Huda Husna Bt. Mohd Amin, Muhammad Suqairi bin Abdul Halim, Ahmad Saiful B. Mohd Sabri, Kamaluddin Bin Harun dan Yahaya B. Nasrom





# Petunjuk Utama

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK





# > Petunjuk Utama

Program dan Aktiviti		P07			KWPH		
		Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
<b>I.0 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA</b>							
1.1	Perbelanjaan						
1.1.2	Perbelanjaan Mengurus (RM)						
1.1.3	Perbelanjaan Pembangunan KWPH (RM)		7,356,400.81	91.96			
1.1.4	Perbelanjaan Pembangunan P07 (RM)				4,752,860.95	76.66	
	<b>JUMLAH</b>		7,356,400.81	91.96	4,752,860.95	76.66	
1.2	Kutipan Hasil						
1.2.1	Royalti (RM)						
1.2.1.1	Kayu Balak						
1.2.1.2	Keluaran Hutan Lain						
1.2.2	Ses (RM)						
1.2.3	Premium (RM)						
1.2.4	Lain-lain (RM)						
	<b>JUMLAH</b>						
<b>2.0 PENGURUSAN SUMBER HUTAN</b>							
2.1	Mencuci dan Menanda Sempadan Luar Hutan Simpan	450 km	1,042,775.64	99.31			
2.2	Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) Negeri 2016-2025	1 Rancangan	350,000.00	100.00			
2.3	Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F)	6,000 ha	760,110.32	95.01	2,000 ha	216,471.35	94.12
2.4	Pengurusan Kawasan Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS)	2 Projek	230,743.51	64.10			
2.5	Pembangunan Sistem Rapid Response Pencerobohan Hutan (hutanWATCH@Drone)	1 Sistem, 2 Drone	189,600.00	94.80			
2.6	Pemantauan Darat	40 Unit Kamera Perangkap	94,285.00	94.29			
2.7	Pemantauan Udara	15 Jam Penerbangan	98,580.00	65.72			
2.8	Risikan dan Siasatan Kes Kesalahan Hutan	3 Sewaan	33,827.10	84.57			
2.9	Penubuhan, Penyelenggaraan dan Pemantauan Petak-Petak Kajian Ladang	3 Petak	46,820.00	93.64			
2.10	Pemulihan Hutan Pemeliharaan Tinggi (HCVF)				3 Kawasan	49,450.00	98.90
2.11	Penandaan Pokok				800 ha	64,000.00	32.00
2.12	Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut				1 Rancangan	38,553.00	48.19
	<b>JUMLAH</b>		2,846,741.57	91.83		368,474.35	65.80



Program dan Aktiviti		P07			KWPH		
		Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
<b>3.0 HUTAN MASYARAKAT</b>							
3.1	Tanaman dan Rawatan Hutan Perkampungan	5 Program	88,170.56	88.17			
3.2	Menaiktaraf Tapak Semaian Pusing (Bekalan Anak Benih)	1 Juta Pokok	56,764.00	56.76			
	<b>JUMLAH</b>		144,934.56	72.47			
<b>4.0 PEMBANGUNAN HUTAN ASLI</b>							
4.1	Tanaman dan Rawatan Bakau	400 ha	795,219.00	99.40			
4.2	Pengembangan dan Penyelenggaraan Arboretum Perhutanan	1 Kawasan	19,928.00	99.64			
4.3	Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)	7,000.00	652,699.35	93.24			
4.4	Hutan Simpanan Hutan Dara	4 Kawasan	163,126.46	90.63			
4.5	Memotong Akar Papanjat (CL)				1,200 ha	74,288.00	74.29
4.6	Tanaman dan Rawatan Mengaya				100 ha	149,461.35	99.64
4.7	Pemulihan Kawasan Terosot				20 ha	68,145.00	97.35
4.8	Pembangunan Tapak Semaian				7 Tapak Semaian	277,367.95	92.46
4.9	Penanaman Pokok Bakau dan Spesies yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara						
	<b>JUMLAH</b>		1,630,972.81	95.94		569,262.30	91.82
<b>5.0 EKO PELANCONGAN DAN HUTAN LIPUR</b>							
5.1	Pembangunan, Pengurusan dan Penyelenggaraan Hutan Lipur	16 Hutan Lipur	1,570,077.91	98.13			
5.2	Menaiktaraf dan Penyelenggaraan Hutan Lipur				15 Hutan Lipur	27,807.48	11.12
5.3	Pembangunan Prasarana dan Pemrograman Rekreasi di Taman Rimba Kledang Saiong				1 Hutan Lipur	16,460.00	16.46
5.4	Sistem Amaran Kepala Air				7 Hutan Lipur	18,499.80	26.43
	<b>JUMLAH</b>		1,570,077.91	98.13		62,767.28	14.94
<b>6.0 SUMBER BUKAN KAYU</b>							
6.1	Pembangunan Sumber Buluh/Rotan	2 Kawasan	49,905.00	99.81			
6.2	Pembangunan Sumber Herba Hutan	1 Kawasan	50,000.00	100.00			
6.3	Pembangunan dan Penyelenggaraan Taman Herba Papan				1 Taman Herba	419,843.00	99.96
	<b>JUMLAH</b>		99,905.00	99.91		419,843.00	99.96



Program dan Aktiviti	P07			KWPH		
	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Matlamat Fizikal	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
<b>7.0 INFARSTRUKTUR DAN KEMUDAHAN</b>						
7.1	Penyelenggaraan/Naiktaraf Bangunan Pejabat dan Kuarters	244,969.70	100.00			
7.2	Pembinaan Baru Bangunan Pejabat/Kuarters/Dewan	5 Projek	778,799.06	76.73		
7.3	Pembinaan dan Penyelenggaraan Jalan Hutan	40,000.00	100.00			
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,063,768.76</b>	<b>81.83</b>			
<b>8.0 PEMBANGUNAN LADANG HUTAN</b>						
8.1	Penyediaan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA)			56,503 ha	0.00	0
8.2	Rawatan dan Penyelenggaraan Ladang Hutan			100 ha	245,191.00	98.08
	<b>JUMLAH</b>				<b>245,191.00</b>	<b>37.72</b>
<b>9.0 PUBLISITI, LATIHAN DAN PENGEMBANGAN</b>						
9.1	Risalah Perhutanan dan Lain-lain Penerbitan			3 Penerbitan	175,712.06	87.86
9.2	Pameran, Seminar dan Program Perhutanan			10 Program	249,842.36	83.28
9.3	Ceramah dan Kempen Kesedaran Perhutanan			5 Ceramah	0.00	0.00
9.4	Pembelian Peralatan dan Kelengkapan Kerja Luar			6 Pejabat	265,160.44	91.43
9.5	Pembelian Kenderaan			5 Unit	843,157.56	90.66
	<b>JUMLAH</b>				<b>1,533,872.42</b>	<b>89.18</b>
<b>10.0 PENILAIAN DAN PEMANTAUAN SUMBER HUTAN</b>						
10.1	Pembelian Senjata Api			10 Laras	40,540.00	81.08
	<b>JUMLAH</b>			<b>10 Laras</b>	<b>40,540.00</b>	<b>81.08</b>
<b>11.0 IT DAN K PERHUTANAN</b>						
11.1	Pembangunan Sistem Perhutanan			4 Item	154,258.76	94.35
11.2	Peningkatan Sistem GIS			2 Item	26,504.00	100.00
	<b>JUMLAH</b>				<b>180,762.76</b>	<b>95.14</b>
<b>12.0 PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA</b>						
112.1	Elaun Perjalanan Kakitangan			300 Orang	189,686.35	49.92
12.2	Elaun dan Gaji Kakitangan Kontrak			40 + 11 Orang	897,185.19	99.69
12.3	Kursus dan Latihan Kakitangan			20 Kursus	118,958.65	84.97
12.4	Penyelenggaraan Kenderaan			Semua Kenderaan	126,317.65	84.21
	<b>JUMLAH</b>				<b>1,332,147.84</b>	<b>84.85</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>7,356,400.61</b>	<b>91.96</b>		<b>4,752,860.95</b>	<b>76.66</b>





# Perlembagaan, Dasar dan Undang-undang

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK



# > Perlembagaan, Dasar dan Undang-undang

## Peruntukan Perlembagaan

Di bawah Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan, Perhutanan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, setiap negeri berkuasa menjalankan undang-undang di sektor perhutanan dan menggubal dasar perhutanan mereka sendiri. Pihak Berkuasa Persekutuan hanya memberi nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri, penyelenggaraan stesen-stesen percubaan dan demonstrasi, latihan dan penyelidikan.

## Majlis Perhutanan Negara

Bagi menyelaraskan hal-hal pentadbiran, pengurusan dan pembangunan hutan, Majlis Perhutanan Negara (MPN) telah ditubuhkan pada 20 Disember 1971 oleh Majlis Tanah Negara (MTN). MTN diberi kuasa di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk menggubal dasar kebangsaan bagi memaju dan mengawal penggunaan tanah untuk perlombongan, pertanian dan perhutanan. MPN merupakan forum bagi Kerajaan Persekutuan dan Negeri membincangkan masalah dan isu bersama yang berkaitan dengan dasar, pentadbiran dan pengurusan perhutanan. Semua keputusan MPN perlulah disahkan oleh MTN. Tugas untuk melaksanakan keputusan

MPN adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri kecuali jika ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

## Dasar Perhutanan Negara

Dasar Perhutanan Negara (DPN) telah diluluskan oleh Majlis Perhutanan Negara pada tahun 1977 dan kemudiannya disahkan oleh Majlis Tanah Negara pada 19 April 1978. Seterusnya dasar ini telah diterimapai di Negeri Perak Darul Ridzuan. Penggubalan dasar tersebut adalah menjurus kepada pendekatan yang menyeluruh untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sektor perhutanan dalam mengurus, memelihara dan membangunkan sumber hutan. Pada tahun 1992, Dasar Perhutanan Negara telah dikaji semula selaras dengan kesedaran masyarakat keseluruhannya tentang kepentingan hutan dari segi sosio-ekonomi dan perlindungan alam sekitar. Dengan itu, Majlis Tanah Negara telah meluluskan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) pada 10 November 1992. Negeri Perak Darul Ridzuan telah menerimapai dasar tersebut yang menjurus ke arah pendekatan mengurus sumber hutan secara berkekalan untuk pembangunan sosio-ekonomi, pemuliharaan hutan dan menjaga kepentingan alam sekitar.

## Undang-Undang





#### **I. Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]**

Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] adalah suatu Akta yang diperbuat di bawah Fasal (1) (b) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan bagi maksud menentukan persamaan undang-undang bagi Negeri di Malaysia berkenaan pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan dan pembangunan perhutanan di Malaysia. Akta 313 ini juga adalah bertujuan bagi menggalakkan keseragaman undang-undang antara Negeri. Akta 313 ini telah mendapat perkenan Diraja pada 24 Disember 1984 dan diwartakan pada 31 Disember 1984. Akta 313 ini telah diterimapakai bagi pemakaiannya di Negeri Perak Darul Ridzuan dengan dinamakan sebagai Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan diwartakan pada 26 Disember 1985.

#### **II. Kaedah-Kaedah Hutan 1988**

Kaedah-Kaedah Hutan 1988 adalah suatu kaedah yang digubal sebagai panduan dan prosedur pelaksanaan Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 di mana ia berpandukan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 111 Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Kaedah-kaedah ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 21 Disember 1989 dan mula berkuatkuasa mulai 22 Disember 1989

#### **III. Enakmen Industri Berasas Kayu 1987**

Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 adalah suatu Enakmen yang digubal berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Industri Berasas Kayu Perundangan Negeri 1984 yang memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang berkenaan penubuhan dan pengendalian industri berasas kayu. Enakmen ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 30 Julai 1987 dan mula berkuatkuasa mulai 1 Mac 1990.

#### **IV. Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1990**

Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1990 adalah suatu kaedah yang digubal berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 28 Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Kaedah-kaedah ini digubal sebagai panduan dalam pelaksanaan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Kaedah-kaedah ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 15 Mac 1990 dan mula berkuatkuasa mulai 1 Mac 1990.

#### **V. Dasar/Undang-undang/Dokumen Yang Berkaitan Berdasarkan Keperluan MC&I (Hutan Asli)**

- Dasar Perhutanan Negara 1978;
- Akta Perhutanan Negara 1984 ;
- Akta Kerajaan Tempatan, 1976;
- Dasar Kepelbagaian Biologi Negara, 1998;
- Kaedah-Kaedah Hutan 1988;
- Kaedah-Kaedah Industri Berasakan Kayu 1990;
- Kaedah-Kaedah Hutan Tadahan Air (Perak) 2010;
- Rancangan Pengurusan Hutan;
- Kajian Separuh Penggal Rancangan Pengurusan Hutan;
- Manual Perhutanan (Jilid I);
- Manual Perhutanan (Jilid II);

- Manual Perhutanan (Jilid III);
- Manual Kerja Luar Sistem Pengurusan Memilih;
- Panduan Penentuan Catuan Tebangan Tahunan;
- Inventori Hutan Nasional Ke-4;
- Garis Panduan Jalan Hutan 2010;
- Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013);
- Spesifikasi Jalan Hutan;
- Guidelines for Reduced Impact Logging;
- Garis Panduan Balai Pemeriksaan Hutan – BPH;
- Forest Related Laws (Vol 1);
- Forest Related Laws (Vol 2);
- Forest Related Laws (Vol 3);
- Aboriginal Peoples Act 1954;
- Kanun Tanah Negara, 1965;
- Kanun Keseksaan [Akta 574];
- Kanun Acara Jenayah [Akta 593] ;
- Akta Keterangan 1950 [Akta 56] ;
- Akta Perlindungan Tanah, 1960;
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994;
- Akta Prosedur Kewangan, 1967;
- Enakmen Bekalan Air, 1935;
- Employees Provident Fund Act 1991;
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969;
- Akta Pampasan Pekerja, 1952;
- Akta Perhubungan Pengusahaan, 1967;
- Akta Kesatuan Sekerja, 1959 (Akta 262);
- Akta Pekerjaan, 1955;
- Federal Laws;
- Akta Kilang dan Jentera;
- Policies;
- Akta Perlindungan Hidupan Liar, 2010;
- Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, 1973;
- Akta Taman Negara, 1980;
- Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Hutan Malaysia, 1985;
- International Agreements;
- Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO);
- National Physical Plan 2;
- Pekeliling KPPSM Bil. 1/96;
- Pekeliling KPPSM Bil. 1/97;
- Pekeliling KPPSM Bil. 1/2009;
- Pekeliling KPPSM Bil. 1/2010;
- Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Dalam Operasi;
- National Tiger Action Plan;
- Pelan Pengurusan Gajah;
- Laporan Tahunan JPSM 2014;
- Laporan Tahunan JPN Perak 2014;
- Panduan Kerja Luar Inventori Hutan Nasional Ke-5;



- Garis Panduan Kriteria Pemilihan dan Prosedur Penandaan Pokok Ibu;
- Panduan Penentuan Had Batas Tebangan;
- Panduan Mengisi Borang Bancian Kawasan Selepas Dibalak (LOF);
- Kod Amalan Pengusahasilan Hutan Darat Asli SM;
- Panduan Pengusahasilan Hutan Melalui Kawalan Isipadu;
- Kod Amalan Pengusahasilan Hutan Paya Laut SM;
- Panduan Penubuhan Petak Contoh Kekal Ladang Hutan Kompensatori;
- Enakmen Perlombongan 1926;
- Panduan Penanaman Buluh;
- Panduan Penanaman Rotan;
- Panduan Penubuhan Ladang Spesies Cepat Tumbuh;
- Manual Pengurusan Tapak Semaian Spesies Pokok Hutan SM;
- Panduan Penubuhan dan Kerja Luar Petak Ekologi VJR;
- Panduan Kerja Luar Bancian Hutan Dara;
- A Manual of Enrichment Planting in Logged-Over Forest;
- Understanding REDD+;
- Kawasan Tadahan Air;
- Kawasan HCWFs;
- Panduan Penubuhan VJR;
- Hutan Simpan Dara Maklumat VJR;
- Bancian Hutan Sebelum Tebangan;
- Menanda & Mencuci;
- Hutan Penyelidikan;
- Biodata Perkampungan Orang Asli 2010;
- Senarai Hidupan Liar;
- Manual Kerja Luar Kaw. Kajian Tetap CFI





# Imbasan

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK





## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

### UNIT PENTADBIRAN

Bagi tahun 2016, sebanyak sembilan (9) kali Mesyuarat Kakitangan Bahagian Khidmat Pengurusan, empat (4) kali Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan tiga (3) kali Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) telah diadakan dengan jayanya seperti yang telah disasarkan pada setiap tahun. Lawatan Naziran ke lima (5) daerah di bawah pentadbiran Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah berjaya dilaksanakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan.

Audit dalaman iaitu Pengemaskinian Buku Perkhidmatan pada Jun 2016 telah diadakan di peringkat Ibu Pejabat bagi memastikan ia sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa. Selain itu, Unit Pentadbiran turut mengawal selia perjawatan di Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan di daerah-daerah yang merangkumi 777 perjawatan dan pengisian sebanyak 703 perjawatan berdasarkan Waran Perjawatan Negeri Bil. 03/2016.

### UNIT KEWANGAN

Pada tahun 2016, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menerima peruntukan sebanyak RM8,000,000.00 daripada Kerajaan Negeri untuk dibelanjakan bagi menguruskan dan menjalankan Projek-Projek Pembangunan Hutan bagi Peruntukan Pembangunan Negeri (P07). Sebanyak RM7,356,400.81 atau 91.96% telah dibelanjakan pada tahun berkenaan.

Bagi peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH), sebanyak RM6,200,000.00 telah diperuntukkan pada tahun 2016 dan perbelanjaan bagi KWPH pada tahun 2016 adalah sebanyak RM4,765,164.33 atau 76.86%.

Peruntukan Persekutuan (P23) yang diterima daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pula adalah sebanyak RM248,000.00 dan jabatan telah membelanjakan bagi projek-projek pembangunan hutan sebanyak RM243,451.30 atau 98.16% daripada peruntukan yang diterima.

Bagi perbelanjaan mengurus (B25) pula, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah diperuntukkan sebanyak RM31,718,209.00 pada tahun 2016 dan telah membelanjakan sebanyak RM31,513,629.32 atau 99.35% daripada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan urusan pentadbiran yang melibatkan lima (5) daerah serta ibu pejabat.

### UNIT HASIL

Pada tahun 2016, kutipan hasil bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak adalah sebanyak RM44,647,489.80 atau 76.23% daripada anggaran hasil yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM58,566,200.00.

#### a. Pembangunan Hasil Perhutanan

Projek Pembangunan Hasil Perhutanan dijalankan bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan Sistem Teknologi Maklumat di jabatan yang melibatkan pembaharuan lesen *Server Antivirus* bagi antivirus yang sedia ada di jabatan ini yang akan tamat pada bulan Februari 2016. Sebagai persediaan awal pertambahan pegawai (penstrukturan baru) pada tahun 2016, Jabatan ini mengambil kira keperluan untuk menaiktaraf dan membekal peralatan komputer sedia ada di setiap unit-unit di Jabatan Perhutanan Negeri Perak termasuklah Pejabat Renj. Hutan dengan memohon pembelian sebanyak 15 unit komputer baru. Di samping itu, pembelian pencetak berwarna pula adalah bertujuan untuk meningkatkan prestasi cetakan bersaiz kecil seperti saiz A4 dan A3 berwarna selain dapat berkongsi penggunaan melalui *Network Sharing* memandangkan bilangan pengguna yang semakin meningkat dan permintaan yang tinggi. Bagi pembaharuan Lesen Tahunan peralatan *Firewall Fortigate* 2008 pula, tempoh lesen yang dicadangkan adalah selama 2 tahun, di mana lesen tahunan bagi *Firewall Fortigate* akan tamat tempoh pada November 2016. Pada tahun 2016, sebanyak RM145,192.55 daripada peruntukan RM163,496.00 telah digunakan dalam Projek Pembangunan Hasil Perhutanan ini. Antara kerja-kerja lain yang telah dilakukan termasuklah kerja-kerja membekal dan memasang *Card Access Workstation Desktop PC*, penyelenggaraan *Print Head* mesin plotter di Bilik GIS, perkhidmatan penyelenggaraan *Multimedia Digital Display* (MDD), perkhidmatan penyelenggaraan mesin plotter HP800 deskjet di Unit Pelan dan perkhidmatan membekal *External Hardisk Western Digital* dan RJ45.

#### b. Peningkatan Sistem Geographic Information System (GIS)

Projek Peningkatan Sistem *Geographic Information System* (GIS) bertujuan memantapkan penggunaan sistem GIS agar seiring dengan langkah kerajaan menggunakan teknologi tinggi bagi memudahkan dan mempercepatkan kerja-kerja seharian. Sebanyak RM26,504.00 telah diperuntukkan untuk tujuan menumpukan kepada menaiktaraf semua CCTV di jabatan ini kepada IP CAM CCTV yang mana mampu membantu meningkatkan mutu kawalan secara 24 jam sehari dan menaiktaraf *Operating Sistem Web Server* yang telah lama tidak diselenggara kepada versi terbaharu.



# PERANCANGAN DAN PENGURUSAN



## OPERASI HUTAN

Sumber Hutan Negeri Perak telah diurus dengan teliti dan sistematik bagi menjamin kelangsungan perolehan berkekalan dengan memelihara aspek ekologi, alam sekitar dan sumber biodiversiti. Bermula tahun 1996, pengemaskinian telah dilaksanakan dengan mempraktikkan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management, SFM*) disebabkan kadar permintaan pasaran. Melalui SFM, Hutan Simpanan Kekal (HSK) telah diurus melalui dua (2) giliran tebangan iaitu 55 tahun dan 30 tahun.

Namun begitu, sejak akhir-akhir ini kebanyakan kawasan HSK diurus melalui Sistem Pengurusan Memilih (*Selective Management System, SMS*) dengan pusingan tebangan selama 30 tahun. SMS melibatkan penetapan pemilihan regim pengurusan yang optimum iaitu melibatkan tebangan pokok dari kumpulan Dipterokarpa hanya dibenarkan dari saiz 50 cm dbh ke atas dan bagi jenis komersial lain hanya dibenarkan dari saiz 45 cm dbh ke atas.

Amalan Pengurusan Memilih membolehkan pengeluaran kayu-kayan secara berkekalan dengan kos pembangunan yang minimum di samping mengoptimalkan pengusahaan hutan. Had Batas Tebangan (HBT) akan ditentukan berdasarkan keputusan analisa Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F). Turutan operasi Sistem Pengurusan Memilih adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual I.

**Jadual I**  
Turutan Operasi Sistem Pengurusan Memilih (SMS)

Tahun	Operasi
n-2 hingga n-1	Inventori Hutan Sebelum Tebangan berintensiti 10.0% menggunakan <i>Systematic Line Plots</i> untuk menentukan HBT.
n-1 hingga n	Penandaan pokok dan menentukan arah tebangan bagi pokok untuk diusahakan. Penandaan pokok juga dilaksanakan bagi pokok-pokok untuk dirian tinggal, Pokok Perlindungan dan Pokok Ibu,
n	Penebangan pokok sebagaimana yang ditentukan / disyaratkan
n+1/4 hingga n+1/2	Bancian untuk menentukan denda ke atas pokok yang tidak di tebang dan kerosakan ke atas dirian tinggal serta royalti ke atas balak pendek dan balak kecil yang tidak dikeluarkan.
n+2 hingga n+5	Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F) berintensiti 10.0% menggunakan <i>Systematic Line Plots</i> untuk menentukan stok dirian tinggal dan rawatan yang sesuai.
n+7	TI (Rawatan lanjutan) dijalankan
n+10	Inventori hutan dijalankan untuk menentukan status pemulihan

## PROGRAM PENGURUSAN SUMBER HUTAN

### i) Mencuci dan Menanda Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal (HSK)

Projek ini dilaksanakan dengan tujuan memastikan kedudukan sebenar dan kejelasan sempadan HSK menerusi penandaan dan pembersihan sempadan yang dijalankan sekurang-kurangnya setiap lima (5) tahun sekali. Kedudukan sempadan yang jelas dan tepat dapat diurus dan dibangunkan secara berkekalan di samping mengelak berlakunya aktiviti pencerobohan hutan dan penerokaan secara haram. Program ini melibatkan komponen pengukuran dan menanda sempadan baharu, pembersihan sempadan lama HSK, menyediakan Pelan Ukur Sempadan HSK, pembelian dan pemasangan papan tanda HSK.

Pada tahun 2016, sejumlah RM1,050,000 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Negeri (P07). Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM1,042,775.64



telah dibelanjakan untuk mencuci dan menanda Sempadan Luar HSK sejauh 727.0 km yang melibatkan 12 kawasan HSK. Manakala, aktiviti menanda dan mengukur oleh Jurukur Berlesen melibatkan empat (4) hutan simpan dengan jarak 54.14 km.

### ii) Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F)

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) bertanggungjawab untuk merealisasikan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan untuk faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar. Bagi mencapai objektif tersebut, maklumat berkaitan kandungan isi hutan secara menyeluruh dan tepat seperti kedudukan stok, keadaan dan taburan pokok besar, kayu jaras, anak pokok serta anak benih amat diperlukan supaya aktiviti pengurusan yang berkekalan dan pengusahasaan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Selain itu, melalui maklumat tersebut juga dapat membantu untuk penetapan HBT yang optimum yang tepat.

Pada tahun 2016, sejumlah RM800,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Negeri (P07) dan RM230,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH). Daripada keseluruhan peruntukan yang diterima, seluas 9,877 hektar telah berjaya dijalankan aktiviti Pre-F merangkumi 24 kompartmen HSK di Negeri Perak yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM750,581.67.

### iii) Pemuliharaan Hutan Bernilai Tinggi (High Conservation Value Forests - HCVFs)

Kawasan Pemuliharaan Hutan Bernilai Tinggi (*High Conservation Value Forests* – HCVFs) telah ditubuhkan untuk tujuan memelihara dan mengekalkan persekitaran dengan isi hutan yang mempunyai ciri-ciri kepelbagaian biologi yang menarik, unik dan bernilai tinggi yang meliputi komposisi spesies flora. Kawasan HCVFs boleh terdiri daripada sebahagian kecil komposisi hutan. Ia mula diperkenalkan pada tahun 1999 bagi memenuhi keperluan prinsip Kriteria dan Petunjuk untuk Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia [MC&I (Hutan Asli)] bagi membuktikan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dengan pembalakan berimpak rendah. Sehingga tahun 2016, Negeri Perak telah menubuhkan sebanyak 8 petak HCVFs iaitu:-

- a. Sbhg. Kompt. 39, 40 & 42 Hutan Simpan Segari Melintang, Daerah Kinta/Manjung - Balau Putih (*Shorea lumutensis*)
- b. Sbhg. Kompt. 2 & 5 Hutan Simpan Sg. Pinang, Daerah Kinta/Manjung - Balau Putih (*Shorea lumutensis*)
- c. Sbhg. Kompt. 202 & 203 Hutan Simpan Kledang Saiong, Daerah Kuala Kangsar - Daun Sang (*Johannesteijsmannia perakensis*)
- d. Sbhg. Kompt. 142, Hutan Simpan Temenggor, Daerah Hulu Perak – Sira Jenut
- e. Sbhg. Kompt. 11, Hutan Simpan Pulau Kelumpang, Daerah Larut & Matang – Tapak perkuburan pra-sejarah
- f. Sbhg. Kompt. 18A, Hutan Simpan Pulau Kecil, Daerah Larut & Matang – Berus Mata Buaya (*Bruguiera hainesii*)
- g. Sbhg. Kompt. 142, Hutan Simpan Temenggor, Daerah Hulu Perak – Bunga Pakma
- h. Sbhg. Kompt. 51 & 52, Hutan Simpan Chikus, Daerah Perak Selatan – Keruing Paya (*Dipterocarpus coriaceus*)

Pada tahun 2016, sebanyak RM50,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di tiga (3) buah kawasan HCVFs yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM49,450.00.

### iv) Hutan Simpanan Hutan Dara (*Virgin Jungle Forest Reserved* - VJR)

HSK di Negeri Perak telah diklasifikasikan mengikut fungsi hutan sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 10 (1) Akta Perhutanan Negara 1984. Salah satu dari kelas fungsi berkenaan adalah Hutan Simpanan Hutan Dara (*Virgin Jungle Forest Reserved* – VJR). Maka pelaksanaan projek ini adalah untuk menggambarkan jenis-jenis hutan yang terdapat di Negeri Perak. Penubuhan VJR berfungsi untuk mengekalkan khazanah hutan secara semulajadi tanpa ancaman terhadapnya. Dengan adanya penubuhan VJR ini, ia merupakan salah satu usaha untuk memelihara habitat flora, fauna dan mikroorganisma yang sedia ada selain dapat menjamin kelangsungan sumber genetiknya. VJR juga berperanan sebagai kawasan penyelidikan perhutanan merangkumi segala isi hutan.

Pada tahun 2016, sebanyak RM180,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan Pembangunan Negeri (P07) bagi menjalankan kerja-kerja banciaan dan mencuci sempadan kawasan VJR dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM163,126.46.





## SILVIKULTUR DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI

Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi bertanggungjawab bagi meyelaraskan pelaksanaan aktiviti pemulihan dan pemeliharaan kawasan hutan melalui perancangan, pelaksanaan dan pengawalan aktiviti rawatan silvikultur di dalam kawasan HSK. Pelaksanaan aktiviti tersebut dipraktikkan bagi memastikan dirian hutan terpulih dan dipelihara. Selain aktiviti utama tersebut, Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi di JPNPk turut berperanan dalam merancang, melaksana dan mengawal aktiviti di bawah Program Perhutanan Masyarakat, Program Tanaman dan Rawatan Bakau dan Spesies-spesies Sesuai di Pesisiran Pantai Negara dan Projek Pembangunan Tapak Semaian.

### PROGRAM PERHUTANAN MASYARAKAT

Pihak jabatan memainkan peranan penting bagi merancang, melaksana serta mengawal segala bentuk aktiviti perhutanan. Sehubungan dengan itu, sebagai salah satu komitmen atau tanggungjawab sosial oleh pihak jabatan terhadap masyarakat adalah mewujudkan keseimbangan antara pembangunan fizikal kawasan hutan dan pemuliharaan serta pemeliharaan kawasan persekitaran. Menyedari keperluan itu, pihak jabatan telah mewujudkan sebuah program khas bagi memenuhi keperluan tersebut. Terdapat dua (2) projek utama bagi mencapai hasrat tersebut iaitu Projek Hutan Sosial dan Pembangunan Hutan dan Projek Penanaman 1 Juta Pokok.

### HUTAN SOSIAL DAN PEMBANGUNAN HUTAN

Dalam merealisasikan segala perancangan dan pengurusan hutan di Negeri Perak, pihak jabatan sentiasa bekerjasama dengan lain-lain agensi bagi memastikan kepentingan pemeliharaan hutan diterapkan kepada semua pihak. Pihak jabatan melalui sekisyen ini telah melancarkan Projek Hutan Sosial dan Pembangunan Hutan bagi melaksanakan aktiviti penanaman pokok. Projek ini telah diwujudkan semenjak tahun 2012 dengan nama asalnya Hutan Bandar dan telah diberi nafas baharu dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK 11) kepada Projek Hutan Sosial dan Pembangunan Hutan. Objektif utama projek ini adalah bagi memberi kesedaran dan memupuk semangat kerjasama dalam masyarakat serta antara agensi kerajaan dan swasta dalam melaksanakan aktiviti memelihara dan memulihara hutan. Pada tahun 2016, sebanyak 5 program telah berjaya dianjurkan di bawah projek ini yang melibatkan pelbagai agensi antaranya pelajar sekolah, Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta dan orang awam. Antara pengisian sepanjang berlangsungnya program ini adalah aktiviti penanaman pokok, ceramah perhutanan serta pameran oleh JPNPk.

1. Program *Corporate Social Responsibility Hammam* dan Perhutanan Sosial sempena Program Pemukiman Menteri Besar di Daerah Hulu Perak;
2. Program Hutan Sosial Pejabat Hutan Daerah Larut dan Matang di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dr. Burhanuddin, Taiping;



3. Program Penanaman Pokok Rhu bersama Pelajar TAJ International College di Taman Eko Rimba Pasir Panjang, Segari;
4. Program Hutan Sosial Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak di SMK Sultan Idris Shah II, Gerik; dan
5. Program Hutan Sosial Daerah Kinta/Manjung bersama Persatuan Pendaki di Gunung Korbu, Ulu Kinta

### PROGRAM PENANAMAN 1 JUTA POKOK

Program Penanaman 1 Juta Pokok adalah merupakan program yang diwujudkan sempena program penanaman 24 Juta pokok yang telah dianjurkan oleh pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Secara umumnya pihak jabatan telah menetapkan sasaran untuk menanam sekurang-kurangnya 2 juta pokok setiap tahun dalam usaha mewujudkan suasana biodiversiti sepertimana yang telah diumumkan oleh YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan pada 7 November 2013 di majlis perasmian *Amanjaya Tree Planting Program: Future Carbon Stocking and Cleaner Environment in a Biodiversed Forest* di Hutan Simpan Amanjaya, Gerik. Pada 2016, pihak jabatan telah merekodkan kejayaan menanam pokok berjumlah 2,027,624 pokok dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh pihak jabatan. Jumlah tersebut adalah 1.38 % lebih tinggi berbanding matlamat yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri dan jumlah ini memberi gambaran komitmen tinggi pihak jabatan bagi memulihara dan memelihara kehijauan di Negeri Perak.

### PROGRAM PEMBANGUNAN HUTAN ASLI

#### Tanaman dan Rawatan Bakau

Negeri Perak mempunyai keluasan hutan paya laut yang terbesar di Semenanjung Malaysia dengan rekod keluasan sebanyak 40,537.60 ha. Pada tahun 2016, sebanyak RM800,000.00 telah diperuntukkan bagi melaksanakan aktiviti tanaman dan rawatan bakau di sekitar hutan paya laut di negeri Perak dengan rekod tanaman sebanyak 1,799,386 pokok.

#### Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)

Aktiviti utama yang dijalankan dalam amalan silvikultur adalah Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F) ia adalah inventori ke atas sesuatu kawasan HSK selepas pengusahaan bertujuan untuk mengumpul maklumat tepat dan bererti mengenai kedudukan stok, kandungan, keadaan dan taburan semua pokok besar, kayu jaras, anak pokok dan anak benih supaya



diketahui gambaran isi hutan yang sebenar serta maklumat mengenai kewujudan pepanjat, bertam dan tumbuhan-tumbuhan lain untuk menentukan rawatan silvikultur yang perlu dijalankan ke atas kawasan tersebut. Hasil analisa keputusan data bancian Post-F tersebut, maka cadangan melaksanakan rawatan yang bersesuaian dapat ditentukan. Terdapat tiga (3) jenis keputusan yang biasanya dikeluarkan bagi kawasan selepas tebangan ini antaranya adalah tanaman mengaya, memotong akar/ pepanjat atau kawasan terpulih. Pada tahun 2016, seluas 7,126 ha telah dilaksanakan aktiviti Post-F.

### Tanaman Mengaya

Aktiviti tanaman mengaya ialah suatu jenis rawatan silvikultur yang dilaksanakan ke atas kawasan-kawasan di dalam HSK yang telah diusahailah bagi membantu maningkatkan kandungan hutan tersebut supaya mencapai tahap yang dikehendaki terutamanya dari segi komposisi jenis-jenis spesies berpasaran dan bermutu tinggi. Pada tahun 2016, aktiviti tanaman mengaya telah dilaksanakan di 110 ha kawasan di negeri Perak.

### Memotong Akar/Pepanjat

Aktiviti memotong akar/pepanjat pula ialah suatu jenis rawatan yang dilaksanakan ke atas kawasan-kawasan di dalam HSK yang telah diusahailah ia melibatkan aktiviti memotong akar/pepanjat bagi membebaskan Dirian Tinggal daripada gangguan untuk membolehkannya membesar dengan cepat. Pada tahun 2016, seluas 782 ha kawasan telah terlibat dengan aktiviti memotong Akar/Pepanjat



### PEMBANGUNAN TAPAK SEMAIAN


Tapak semaian merupakan nadi utama bagi perjalanan sesebuah organisasi yang berperanan memelihara alam sekitar dan biodiversiti hutan. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menubuh dan menyelenggara tujuh (7) buah tapak semaian di seluruh negeri bagi menampung segala keperluan anak pokok. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah menyelenggara aktiviti pengutipan biji benih, menabung serta aktiviti menyemai dan menyelenggara anak pokok serta tapak semaian secara umumnya. Berikut merupakan senarai tapak semaian aktif yang diselenggara oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak:

NAMA TAPAK SEMAIAN	LOKASI DAN KELUASAN	KAPASITI
<b>Tapak Semaian Air Ganda</b>	Tahun Penubuhan :1981 Lokasi : Gerik	70,000 anak pokok
<b>Tapak Semaian Ulu Piol</b>	Tahun Penubuhan :1952 Lokasi : Kuala Kangsar	150,000 anak pokok
<b>Tapak Semaian Bukit Larut</b>	Tahun Penubuhan :1993 Lokasi : Kaki Bukit Larut	35,000 anak pokok
<b>Tapak Semaian Kuala Sepetang</b>	Tahun Penubuhan :2010 Lokasi : Kuala Sepetang	8,000 anak pokok
<b>Tapak Semaian Pusing</b>	Tahun Penubuhan :1993 Lokasi : Pusing, Batu Gajah	40,000 anak pokok
<b>Tapak Semaian Kampung Chang</b>	Tahun Penubuhan :1980 Lokasi : Bidor	20,000 anak pokok
<b>Tapak Semaian Chikus</b>	Tahun Penubuhan :1992 Lokasi : Chikus	200,000 anak pokok




## PENGUATKUASAAN HUTAN

Pada tahun 2016 sebanyak 52 kes kesalahan hutan telah dikesan termasuk 3 daripadanya adalah kes pembalakan haram. Tindakan seperti yang diperuntukan di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 telah diambil bagi memastikan kes kesalahan hutan seumpama ini dapat dikawal dan seterusnya tidak berulang pada masa akan datang.



**Carta 1**  
Rekod kes-kes kesalahan hutan dan pembalakan haram bagi tahun 2016



**Carta 2**  
Pecahan kutipan kompaun dan gantirugi kes kesalahan hutan bagi tahun 2016

Berhubung perkara ini juga, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengutip bayaran kompaun dan gantirugi sebanyak RM 1,541,898.46 bagi tahun 2016. Pecahan kutipan bayaran kompaun dan gantirugi pada tahun 2016 adalah seperti yang ditunjukkan dalam carta 2.

**Kompaun, 188,398.46**  
**Gantirugi, 1,353,500.00**



## PENGUATKUASAAN SIASATAN DAN PERUNDANGAN

Pada tahun 2016, sebanyak 19 kes kesalahan hutan telah selesai dijalankan siasatan dan dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya (TPR) untuk semakan dan penelitian. Pada tahun 2016 juga, sebanyak 5 kes kesalahan hutan yang dituduh di Mahkamah telah selesai

melalui pengakuan bersalah oleh Orang Kena Tuduh (OKT) manakala 1 kes telah selesai melalui perbicaraan di Mahkamah. Senarai kes kesalahan hutan yang telah selesai pendakwaan pada tahun 2016 adalah seperti berikut:


LOKASI	KESALAHAN	SEKSYEN	STATUS
1 Jalanraya Kuala Kangsar-Gerik	Memiliki hasil hutan tanpa Pas Pemindah	Subseksyen 68(1) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984	OKT mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar dan dijatuhkan hukuman denda RM8,000.00 dan lori 10 tan dan hasil hutan di lucuthak kepada pihak Pengarah Perhutanan Negeri.
2 Sebahagian kompartmen 44 & 45 Hutan Simpat Teluk Kertang, Daerah Larut Matang	Memasuki hutan simpan kekal tanpa kebenaran & menebang pokok kayu jaras bakau tanpa kebenaran	Subseksyen 47 (1) dan perenggan 81 (1) (b) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984	4 OKT mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Taiping dan dijatuhkan hukuman denda RM50,000 (gagal bayar: 6 bulan penjara) bagi pertuduhan perenggan 81 (1) (b) dan denda RM 2,000.00 (gagal bayar: 1 bulan penjara) bagi pertuduhan subseksyen 47 (1) bagi setiap tertuduh. Kesemua hasil hutan, alat pengangkutan air dan lain-lain barang kes dilucuthak kepada Pengarah Perhutanan Negeri.
3 Tanah Kerajaan, Bandar Universiti Seri Iskandar	Membina kilang tanpa lesen	Subseksyen 3(1) Enakmen Industri Berasas Kayu 1987	OKT mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh dan telah dijatuhkan hukuman denda RM 13,000.00 dan kesemua barang kes diserahkan kembali kepada pemilik.
4 Sebahagian kompartmen 18 Hutan Simpan Pondok Tanjung, Daerah Larut Matang	Menjalankan aktiviti dalam hutan simpan tanpa kebenaran	Subseksyen 32 (1) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984	Pendakwaan melalui perbicaraan penuh di Mahkamah Sesyen Taiping menjatuhkan hukuman penjara selama 2 tahun dan denda RM50,000.00 (gagal bayar penjara 2 tahun). Hukuman penjara ditangguhkan atas kebenaran rayuan kes.
5 Pekan lama Lahat, Jalan Lahat	Membina kilang tanpa lesen dan memiliki hasil hutan secara menyalahi undang-undang	Subseksyen 3 (1) Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 dan Subseksyen 84 (1) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984	OKT telah mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh dan dijatuhkan hukuman denda RM 10,000.00 bagi setiap pertuduhan dan kesemua barang kes diserahkan kembali kepada pemilik,
6 Hutan Simpan Air Chepam Daerah Hulu Perak	Menjalankan aktiviti dalam hutan simpan tanpa kebenaran	Subseksyen 32 (1) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984	5 OKT telah mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar dan dijatuhkan hukuman denda RM 800.00 bagi setiap seorang dan kesemua barang kes dilucuthak kepada Pengarah Perhutanan Negeri.



**Pelantikan Penolong Pemelihara Hutan G29/Renjer Hutan sebagai Pegawai Penyiasat**

Pada tahun 2016, seramai 12 Penolong Pemelihara Hutan G29 / Renjer Hutan telah mengadiri Kursus Serbuan dan Persediaan Perbicaraan di Mahkamah yang merangkumi aspek dan teknik serbuan serta siasatan bagi persediaan pelantikan sebagai Pegawai Penyiasat Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Lantikan Penolong Pemelihara Hutan G29 / Renjer Hutan sebagai Pegawai Penyiasat adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2014 dan kuasa menyiasat di bawah Seksyen 88 Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984.

BILANGAN KES



**CARTA BAR**  
Trend pendakwaan dibawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 bagi Tahun 2011 hingga 2016



Pertuduhan kes penerokaan haram di Hutan Simpan Pondok Tanjung oleh Pesara Tentera.



Empat warga Indonesia mengaku bersalah atas dua pertuduhan menceroboh dan menebang pokok bakau secara haram di Mahkamah Sesyen Taiping.



Sesi bergambar tamat kursus Serbuan dan Persediaan Perbicaraan di Mahkamah



# PERINDUSTRIAN & PENGUSAHASILAN HUTAN

## PENGUSAHASILAN HUTAN

Majlis Tanah Negara Ke-71 yang bersidang pada 14 Disember 2015, telah bersetuju dan menetapkan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak seluas 7,744 hektar setahun atau 38,720 hektar untuk tempoh lima (5) tahun di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) bermula dari tahun 2016 hingga 2020. Keluasan hutan darat mengikut jenis tanah yang telah dilesenkan tahun 2016 adalah sebagaimana ditunjukkan di Jadual 1:-

**Jadual 1:** Pengusahaan Hutan Darat Mengikut Jenis Tanah Hutan Bagi Tahun 2016

Hutan Simpanan Kekal (HSK) Hektar					Tanah Kerajaan	Tanah Bermilik	Jumlah Kawasan dibuka untuk pengusahaan	
Catuan Tebangan Tahunan		Tujuan Pembangunan	Ladang Hutan	Lain-Lain				Jumlah
Diluluskan	Tebangan Diusahakan							
7,744	5,806	183,228	1,600	-	7,589,228	2,795.21	2,057,048	12,441,486

## Pengusahaan Hutan Paya Laut

Pengusahaan Hutan Paya Laut Matang adalah berpandukan kepada Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Matang (RKHPLM) 2010 -2019. Pengusahaan Hutan Paya Laut Matang terdiri daripada 2 kategori iaitu Kup Arang Kayu (KAK) dan Kup Kayu Jaras (KKJ). Di bawah RKHPLM 2010 -2019 seluas 1,075.8 hektar setahun kawasan Hutan Paya Laut Matang diperuntukan untuk 144 pengusaha KAK. Manakala seluas 1,560.0 hektar setahun kawasan Hutan Paya Laut Matang bagi 70 pengusaha KKJ. Maklumat lesen pengusahaan KAK sebagaimana di Jadual 2 dan maklumat pengusahaan KKJ di Jadual 3.

**Jadual 2**

Maklumat Lesen Pengusahaan Hutan Paya Laut Matang bagi KUP Arang Kayu (KAK) Mengikut Suku Tahun 2016

SUKU TAHUN	BILANGAN LESEN	KELUASAN (HA)
PERTAMA	25	178.2
KEDUA	44	345.4
KETIGA	22	158.4
KEEMPAT	44	316.2
<b>JUMLAH</b>	<b>135</b>	<b>998.2</b>

**Jadual 3**

Maklumat Lesen Pengusahaan Hutan Paya Laut bagi KUP Kayu Jaras (KKJ) Mengikut Suku Tahun

SUKU TAHUN	BILANGAN LESEN	KELUASAN (HA)
PERTAMA	9	191
KEDUA	27	506
KETIGA	11	220
KEEMPAT	25	510
<b>JUMLAH</b>	<b>72</b>	<b>1,427</b>

## INDUSTRI BERASAS KAYU (IBK)

### Bilangan Kilang Dalam Industri Berasas Kayu

Sebanyak 740 buah kilang telah dilesenkan di bawah Industri Berasas Kayu (IBK) di Negeri Perak Darul Ridzuan sehingga tahun 2016. Terdapat sebanyak 655 buah kilang daripadanya adalah beroperasi manakala sebanyak 85 buah kilang tidak beroperasi. Pecahan bilangan kilang IBK Negeri Perak mengikut daerah sehingga tahun 2016 adalah seperti di Jadual 4.



**Jadual 4:** Bilangan Kilang Industri Berasas Kayu Negeri Perak Mengikut Daerah Hutan Sehingga Tahun 2016

JENIS LESEN	BILANGAN KILANG (BERDAFTAR) MENGIKUT DAERAH HUTAN															JUMLAH KESELURUHAN		
	KINTA MANJUNG			LARUT MATANG			PERAK SELATAN			KUALA KANGSAR			HULU PERAK			Lesen	Operasi	Tidak Operasi
	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi			
Kilang Papan	42	34	8	15	8	7	16	14	2	16	13	3	11	9	2	100	78	22
Kilang Papan Lapis/Venir	7	6	1	1	1	0	4	2	2	1	1	0	1	1	0	14	11	3
Tanur Pengerang	18	15	3	6	1	5	3	3	0	3	3	0	1	1	0	31	23	8
Loji Pengawet	26	26	0	5	5	0	1	1	0	4	3	1	3	0	3	39	35	4
Perabot / Kerja Kayu	188	173	15	76	60	16	71	71	0	29	29	0	5	5	0	369	338	31
Kayu Kumai	2	2	0	1	1	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	4	4	0
Cebis Kayu	2	2	0	0	0	0	0	0	0	3	3	0	1	1	0	6	6	0
Tepung Kayu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	2	0	0	0	0	2	2	0
Tanur Arang	0	0	0	144	144	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	144	144	0
Kilang Buluh	4	2	2	0	0	0	21	8	13	0	0	0	0	0	0	25	10	15
Kilang Rotan	0	0	0	2	2	0	2	1	1	2	1	1	0	0	0	6	4	2
<b>JUMLAH</b>	<b>289</b>	<b>260</b>	<b>29</b>	<b>250</b>	<b>222</b>	<b>28</b>	<b>119</b>	<b>101</b>	<b>18</b>	<b>60</b>	<b>55</b>	<b>5</b>	<b>22</b>	<b>17</b>	<b>5</b>	<b>740</b>	<b>655</b>	<b>85</b>

## Pengeluaran Kayu Balak

### Mengikut Jenis Kayu



Pengeluaran kayu balak di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2016 adalah berjumlah 571,369.39m<sup>3</sup> yang terdiri dari kumpulan jenis Kayu Keras Berat (KKB), Kayu Keras Sederhana (KKS), Kayu Keras Ringan (KKR) dan Lain-Lain Jenis (LLJ) seperti ditunjukkan dalam Jadual 5 dan Carta 1.

**Jadual 5**

Pengeluaran Kayu Balak Tahun 2016

Kumpulan Jenis Kayu	Pengeluaran (m3)	Peratus (%)*
1. Kayu Keras Berat (KKB)	101,713.37	18
2. Kayu Keras Sederhana (KKS)	153,743.21	27
3. Kayu Keras Ringan (KKR)	315,912.81	55
4. Lain-Lain Jenis (LLJ)	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>571,369.39</b>	<b>100</b>

**Carta 1**  
Peratus pengeluaran kayu balak tahun 2016







### Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu

Penggunaan (kemasukan) kayu balak oleh Kilang Papan adalah 507,448.71m<sup>3</sup> , dengan pengeluaran 463,217.49m<sup>3</sup> ( 91%), Penggunaan (kemasukan) kayu balak oleh Kilang Papan Lapis/Venir adalah 103,415.44m<sup>3</sup> dengan pengeluaran 98,216.51m<sup>3</sup> (95%), manakala penggunaan (kemasukan) kayu gergaji ke Kilang Kayu Kumai adalah 12,491.78m<sup>3</sup> dengan pengeluaran 9935.39m<sup>3</sup> (80%). Keterangan lanjut mengenai perkara ini adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 6.

#### Jadual 6:

Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu Terpilih dan Pengeluaran Tahun 2016

Jenis Kilang	Penggunaan (m3)	Pengeluaran (m3)	Peratus (%)*
1. Kilang Papan	507,448.71	463,217.49	91
2. Kilang Papan Lapis/Venir	103,415.44	98,216.51	95
3. Kilang Kayu Kumai	12,491.78	9935.39	80
<b>JUMLAH</b>	<b>623,355.93</b>	<b>571,369.39</b>	<b>92</b>

### Guna Tenaga dalam Industri Berasas Kayu dan Industri Pengusahaan

Bilangan pekerja diupah dalam Industri Berasas Kayu dan Industri Pengusahaan di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi Tahun 2016 adalah berjumlah 4386 orang. Keterangan lanjut mengenai perkara ini seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.

#### Jadual 7

Guna Tenaga dalam Industri Berasas Kayu Terpilih di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2016

Pengusahaan Harvesting				Kilang Papan Sawmills				Kilang Papan Lapis/Venir Plywood/Veneer Mills				Kilang Kayu Kumai Moulding Mills				Jumlah Besar Grand Total			
B	BB	BW	Jumlah	B	BB	BW	Jumlah	B	BB	BW	Jumlah	B	BB	BW	Jumlah	B	BB	BW	Jumlah
980	511	-	<b>1491</b>	897	123	1000	<b>2020</b>	279	102	259	<b>640</b>	70	53	112	<b>235</b>	2226	789	1371	<b>4386</b>

**Petunjuk:** B - Bumiputera BB- Bukan Bumiputera BW- Bukan Warga Malaysia



## HUTAN LIPUR & EKO PELANCONGAN

Taman Eko-Rimba ataupun sebelum ini di namakan sebagai Hutan Lipur telah diberi penjenamaan semula pada 2016 oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Abd. Rahman Bin Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Taman Eko-Rimba didefinisikan sebagai kawasan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang digunakan bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti rekreasi seperti beristirehat, bersukan, penyelidikan, pendidikan serta pemeliharaan flora dan fauna. Peranan Taman Eko-Rimba dalam menyediakan tempat yang sesuai untuk riadah dan istirehat menjadi semakin penting di negara ini ekoran kesedaran orang ramai terhadap kepentingan serta faedah alam sekitar. Taman Eko-Rimba merupakan salah satu daripada 12 Fungsi Hutan di bawah Subseksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984. Sejumlah 16 buah Taman Eko-Rimba telah ditubuhkan di dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Perak bermula tahun 1979. Pada tahun 2016, seramai 433,627 orang telah mengunjungi Taman Eko-Rimba Negeri Perak. Maklumat terperinci setiap Taman Eko-Rimba seperti berikut:

**Jadual 5**

*Taman Eko-Rimba Negeri Perak Darul Ridzuan.*

Nama Taman Eko-Rimba	Tahun Penubuhan	Daerah Pentadbiran	Luas Pembangunan (Ha)
1. Lata Iskandar	1979	Perak Selatan	0.96
2. Kaki Bukit Larut	1979	Larut & Matang	0.96
3. Kuala Woh	1983	Perak Selatan	6.17
4. Ulu Kinta	1987	Kinta / Manjung	9.22
5. Lata Kinjang	1989	Perak Selatan	1.17
6. Ulu Kenas	1990	Kuala Kangsar	22.67
7. Lata Kekabu	1990	Hulu Perak	6.19
8. Papan	1992	Kinta / Manjung	9.57
9. Pulau Pangkor	1992	Kinta / Manjung	0.49
10. Pasir Panjang	1996	Kinta / Manjung	5.57
11. Pulau Tali Kail	1997	Hulu Perak	0.67
12. Sungai Salu	1998	Kinta / Manjung	1.00
13. Sungai Nyior	1998	Larut & Matang	7.81
14. Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang	2004	Larut & Matang	13.95
15. Ulu Licin	2006	Kinta / Manjung	14.15
16. Kledang Saiong	2010	Kinta / Manjung	26.68

Pada tahun 2016, Seksyen Hutan Lipur & Eko-Pelancongan telah menerima sebanyak RM1,600,000.00 di bawah Peruntukan Pembangunan Negeri (P07) bagi Program Eko-Pelancongan dan Projek Pembangunan, Pengurusan dan Penyelenggaraan Hutan Lipur. Projek ini bertujuan membangunkan Taman Eko-Rimba dan penyelenggaraan kemudahan untuk keselesaan pengguna. Peruntukan tersebut telah dibelanjakan untuk kontrak pembersihan kawasan Taman Eko-Rimba, penyelenggaraan dan pembangunan kemudahan Taman Eko-Rimba, membina dan menyiapkan sebuah dewan terbuka serta surau, membaikpulih pintu gerbang di Taman Eko-Rimba Kledang Saiong, pengurusan pokok bahaya di empat Taman Eko-Rimba, membaikpulih tebing di Taman Eko-Rimba Pulau Tali Kail, membaikpulih pelantar kayu bagi pejalan kaki, pembinaan zon bergambar, membekal dan memasang "stamping checkpoint" di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, pembekalan peralatan Taman Eko-Rimba, membekal dan memasang papan tanda amaran Taman Eko-Rimba Negeri Perak.

Melalui Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH), sebanyak RM920,000.00 telah diterima untuk lima (5) projek iaitu:

- i) Projek Menaiktaraf dan Penyelenggaraan Hutan Lipur;
- ii) Projek Pembangunan Prasarana dan Penyelenggaraan Kemudahan di Taman Rimba Kledang Saiong;
- iii) Projek Sistem Amaran Kepala Air;
- iv) Risalah Perhutanan dan Lain-lain Penerbitan dan;
- v) Pameran, Seminar dan Program Perhutanan.

Peruntukan tersebut telah dimanfaatkan bagi menjalankan projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan Taman Eko-Rimba dan menyelenggara Sistem Amaran Kepala Air auto sedia ada, cetakan tiket Taman Eko-Rimba, cetakan brosur, penerbitan buku serta cetakan banner, dan program pameran.



## PROGRAM PUBLISITI, LATIHAN DAN PENGEMBANGAN

### PROJEK : RISALAH PERHUTANAN & LAIN-LAIN PENERBITAN

Penyebaran maklumat melalui risalah penerangan mengenai pelbagai aspek dalam bidang perhutanan amatlah penting bagi mendidik dan meningkatkan pengetahuan di kalangan masyarakat dan pelajar. Bagi melaksanakan tujuan tersebut sebanyak RM150,000.00 telah diterima di bawah Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH). Antara risalah yang telah diterbitkan adalah mencetak Laporan Tahunan 2015, mencetak poster-poster bagi tujuan pameran, mencetak brosur Taman Eko-Rimba, mencetak tiket masuk dan tiket parkir kenderaan di Taman Eko-Rimba Negeri Perak, mencetak buku-buku “Stamping Checkpoint”, mencetak buku herba Jabatan, Mencetak buku berlogo bagi kegunaan pameran, penterjemahan QR code serta mereka dan mencetak poskad Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

### PROJEK : PAMERAN, SEMINAR DAN PROGRAM PERHUTANAN

Dalam usaha untuk mengembangkan ilmu perhutanan kepada masyarakat, pihak jabatan mengambil inisiatif mengadakan pameran perhutanan dengan tujuan memberi maklumat kepada masyarakat berkaitan fungsi dan peranan jabatan perhutanan dalam mengurus dan memelihara hutan asli dan sumbangan bidang perhutanan kepada pembangunan ekonomi negeri dan negara. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 13 pameran telah diadakan sepertimana di Jadual berikut:

Tarikh	Pameran
1 22.02.2016	Tiada Tertinggal Tiada Terpinggir
2 28.03.2016 Hingga 29.03.2016	<i>Connecting The Unconnected</i>
3 16.04.2016	Sambutan 100 Tahun Pandu Puteri
4 21.04.2016	Hari Hutan Antarabangsa
5 09.08.2016 Hingga 10.08.2016	SMK Behrang Wawasan 2020
6 26.05.2016	<i>Go Green Student's Camp</i> Tahun 2016
7 22.10.2016	Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Perak Tahun 2016 di UTP, Tronoh, Perak
8 26.10.2016	Hari Anugerah Kokurikulum 2016 Di SMK Iskandar Shah, Parit, Perak
9 27.10.2016	Hari Hutan Sosial Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang Di SMK Doktor Borhanuddin, Taiping, Perak
10 11.11.2016	Hari Hutan Sosial PHDPS di Taman Eko-Rimba Kuala Woh
11 21.11.2016 Hingga 22.11.2016	Hari Hutan Sosial PHDHP di Gerik
12 22.11.2016	Program Pameran Sempena Hari Hutan Sosial Di SMK Sultan Idris Shah II, Gerik.
13 26.11.2016	Program Bersih Kapong (Berkapong) di Kg Sangkut, Ijok

Peruntukan sebanyak RM400,000.00 yang diterima dan dibelanjakan untuk program perhutanan, pembelian barangan pameran dan pembelian *backdrop*. Selain itu, peruntukan tersebut turut digunakan bagi menjayakan program perhutanan seperti Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Tahun 2016 serta Kembara Rimba Bersama Menteri Besar YAB. Dato' Seri DiRaja Dr. Zamry Bin Abdul Kadir dan Perasmian Taman Eko-Rimba Kledang Saiong, Program Sambutan Perayaan 100 Tahun Persatuan Pandu Puteri Malaysia, Program Hari Konservasi Hutan Paya Laut Antarabangsa 2016 dan Program Bicara Berirama.



## LADANG HUTAN DAN INOVASI

---

### PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

Program Pembangunan Ladang Hutan bagi tahun 2016 meliputi kerja-kerja Rawatan dan Penyelenggaraan Ladang Hutan. Projek-projek berkenaan merangkumi kerja-kerja Rawatan Dan Penyelenggaraan Petak Getah Klon Balak (TLC), Chengal dan Kapur, Petak Ladang Karas serta Petak Projek Hutan Pelbagai Tingkat (*Multi-Storied Forest Management*) serta penubuhan petak ladang hutan spesies Meranti Pipit dan Meranti Seraya. Bagi tahun 2016, Program Pembangunan Ladang hutan telah diperuntukkan sebanyak RM250,000.00 dan 98% daripada peruntukan berkenaan iaitu sebanyak RM245,191.00 telah dibelanjakan.

### PENUBUHAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMANTAUAN PETAK-PETAK KAJIAN LADANG

Pada tahun 2016, Program Pengurusan Sumber Hutan bagi Penubuhan, Penyelenggaraan dan Pemantauan Petak-Petak Kajian Ladang telah diperuntukkan sebanyak RM50,000 dan 94% daripada peruntukan berkenaan iaitu sebanyak RM46,820.00 telah dibelanjakan. Kerja-kerja berkenaan meliputi rawatan dan penyelenggaraan petak contoh kekal sedia ada dan penubuhan petak contoh kekal.

## HASIL BUKAN KAYU DAN LATIHAN

---

### BULUH, ROTAN DAN HERBA

Program di bawah pembangunan hutan bukan kayu meliputi kerja-kerja tanaman dan rawatan bagi tanaman buluh, rotan dan herba. Dalam tahun 2016, peruntukan yang diberikan untuk Projek Tanaman Buluh dan Rotan adalah sebanyak RM50,000.00. Kerja-kerja rawatan buluh dan rotan ini telah dilaksanakan dengan peruntukan perbelanjaan masing-masing sebanyak RM21,380.00 dan RM21,675.00. Baki peruntukan tersebut telah digunakan untuk membuat bekalan bahan tanaman (Buluh Madu) iaitu sebanyak RM6,850.00.

Bagi projek di bawah Tanaman Herba Hutan, peruntukan adalah sebanyak RM50,000.00 digunakan sepenuhnya untuk kerja-kerja penubuhan sebuah Laman Herba Digital di Taman Eko-Rimba, Kledang Saiong yang dilengkapi dengan papan tanda 'QR Code' bagi menarik minat pengunjung untuk mempelajari ilmu berkaitan herba dan khasiatnya.

### PENYELENGGARAAN TAMAN HERBA PAPAN

Pembangunan dan Penyelenggaraan Taman Herba Papan merangkumi projek sambungan pembinaan sebuah Pusat Rawatan Spa, kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur serta bekalan peralatan untuk kegunaan di Taman Herba Papan. Sebanyak RM419,843.00 (99.9%) daripada RM420,000.00 telah dibelanjakan sepanjang tahun 2016.

Dasar Wawasan Negara telah menetapkan matlamat pembangunan negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Bagi mencapai matlamat tersebut, Kerajaan telah memberi penekanan kepada semua aspek pembangunan, termasuklah pembangunan sumber manusia sektor awam. Menyedari pentingnya usaha-usaha pembangunan sumber manusia dalam sektor awam, Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam telah ditetapkan iaitu setiap anggota perkhidmatan awam perlu melengkapkan diri/ dilengkapkan dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian, melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

Oleh itu, bagi Tahun 2016 sebanyak 23 buah kursus telah berjaya dijalankan mengikut perancangan yang mana 13 daripadanya merupakan kursus tambahan. Selain itu, Unit Latihan juga telah berjaya mengadakan 2 taklimat dan 4 bengkel kepada kakitangan dan sekaligus menjadikan jumlah kursus, taklimat, bengkel dan latihan adalah sebanyak 29 buah. Kesemua program ini telah dijalankan menggunakan peruntukkan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH). Jumlah yang telah dibelanjakan bagi tujuan kursus dan latihan adalah RM118,994.65 iaitu 84.9% dari peruntukkan yang diperolehi. Jumlah yang dibelanjakan meliputi perbelanjaan untuk menjalankan program-program yang telah dirancang dan juga bayaran untuk kursus dan latihan dari luar yang diterima oleh kakitangan dan pegawai.

Bagi aktiviti pengembangan, Unit Latihan juga bertanggungjawab untuk menyelaraskan penempatan pelajar-pelajar yang menjalani latihan industri di jabatan ini serta terlibat dalam penyampaian ceramah perhutanan kepada murid-murid sekolah bersempena penganjuran program-program perhutanan seperti Hari Hutan Antarabangsa, dan sambutan Hari Perhutanan peringkat daerah di Negeri Perak. Ceramah perhutanan ini bertujuan memberi pendedahan dan maklumat mengenai peranan dan tanggungjawab jabatan dalam pengurusan hutan secara berkekalan serta sebagai medium komunikasi dua hala antara pegawai perhutanan dengan masyarakat setempat dalam penjelasan berkenaan isu-isu berkaitan perhutanan.



BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT	BIL PESERTA
1	Kursus EMS 14001:2004 Internal Auditor Training	21 – 22 Jan	Pejabat Hutan Daerah Larut Matang	19 Orang
2	Kursus Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013)	26 – 29 Jan	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	50 Orang
3	Kursus Akuan Hasil Hutan kepada Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak	15 - 16 Feb	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	75 Orang
4	Kursus Kesedaran dan Implementasi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008	16 – 17 Feb	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	25 Orang
5	Kursus Menyelamat dan Langkah-langkah Pencegahan Kebakaran	18 Februari	Dewan Rimbawan, JPNPk	80 Orang
6	Kursus Latihan Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman Hutan Tahap 2	22 – 25 Feb	Hutan Simpan Pondok Tanjung, Taiping	18 Orang
7	Kursus Akuan Hasil Hutan kepada Pelesen Jabatan Perhutanan Negeri Perak	1 – 2 Mac	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	35 Orang
8	Kursus Prosedur Kerja di Lapangan Mengikut Kriteria dan Petunjuk Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia (MC&I [Hutan Asli])	15 – 17 Mac	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	60 Orang
9	Kursus Tatatertib kepada Kakitangan Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan	22 – 24 Mac	Hutan Lipur Kuala Woh, Tapah	30 Orang
10	Kursus Teknik Tebangan Pokok Secara Berarah	11 – 14 April	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	14 Orang
11	Kursus Penggunaan dan Penyelenggaraan Senjata Api	13 April	Lapang Sasar PDRM, Ipoh	36 Orang
12	Kursus Latihan Pengendalian & Penyelenggaraan Drone (Siri 1)	29 April	Bilik Mesyuarat 3, Aras 2, JPNPk	18 Orang
13	Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)	12 Mei	Dewan Rimbawan, JPNPk	38 Orang
14	Kursus Pengurusan Balai Pemeriksaan Hutan	31 Mei – 1 Jun	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	54 Orang
15	Kursus Latihan Pengendalian & Penyelenggaraan Kamera Perangkap (Camera Trap)	6 Jun	Taman Eko-Rimba Kledang Saiong	18 Orang
16	Kursus Latihan Pengendalian dan Penyelenggaraan Drone (Siri 2)	29 Jun	Taman Eko-Rimba Kledang Saiong	18 Orang
17	Kursus Serbuan dan Persediaan Mahkamah	15 – 17 Ogos	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	30 Orang
18	Kursus Modul Pengurusan Saraan, Faedah dan Ganjaran (Submodul Pengurusan Cuti)	10 Oktober	Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan	50 Orang
19	Kursus Pembangunan Hutan kepada Kontraktor Pembangunan Hutan	24 -26 Oktober	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	34 Orang
20	Kursus Pencegaman Pokok dan Dendrologi	14 – 17 November	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	45 Orang
21	Kursus Pencegaman Balak dan Isi kayu (Siri 1)	21 – 23 November	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	40 Orang
22	Kursus Pencegaman Balak (Siri 2)	5 – 7 Disember	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	40 Orang
23	Kursus Pemahaman Sistem Pengurusan Alam Sekitar MS ISO 14001:2004	8 Disember	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	35 Orang

**JADUAL 2:** Senarai taklimat/ ceramah/ bengkel yang telah dijalankan pada tahun 2016

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT	BIL PESERTA
1	Bengkel Aplikasi Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) (Sesi 1)	22 – 23 Feb	Kolej Komuniti Chenderoh	30 Orang
2	Bengkel Aplikasi Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) (Sesi 2)	1 – 2 Mac	Kolej Komuniti Chenderoh	30 Orang
3	Bengkel Pemahaman Kumpulan Inovatif dan Kreatif	25 – 28 April	Bilik Mesyuarat, Aras 1, JPNPk	30 Orang
4	Bengkel Pengendalian Bahan Kimia (JKKP)	28 Julai	Dewan Rimbawan, JPNPk	22 Orang
5	Taklimat Garis Panduan Pembinaan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013) kepada Pelesen di JPNPk	19 September	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	30 Orang
6	Taklimat Pengendalian Bahan Kimia dan Beracun di Tapak Semaian, JPNPk	19 Oktober	Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	38 Orang





# Artikel

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK







Kursus Pengendalian & Penyelenggaraan Drone

Mula ditubuhkan pada tahun 2016, pasukan ini merupakan pasukan khas yang ditugaskan bagi melaksanakan aktiviti risikan menggunakan pesawat kawalan jauh (drone) bagi mendapatkan maklumat awalan sebelum sesuatu operasi penguatkuasaan dilaksanakan. Hawk Eye yang membawa maksud mata helang menggambarkan drone yang terbang gah di udara bagaikan helang yang menjadi mata kepada pasukan penguatkuasa hutan memburu dan mengesan mangsa (pesalah-pesalah hutan) dalam hutan belantara.

Penubuhan pasukan drone Hawk-Eye Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) adalah merupakan salah satu inisiatif jabatan ke arah peningkatan imej Penguatkuasaan Hutan khususnya di Negeri Perak. Penubuhan pasukan Hawk-Eye juga dilihat sejajar dengan arus kemodenan teknologi terkini. JPNPk telah membuat perolehan sebanyak 18 buah unit drone jenis DJI Phantom 3 Professional dan DJI Phantom 4. Seramai 18 anggota di kalangan pengawas hutan dan pegawai JPNPk telah pun menghadiri Kursus Pengendalian & Penyelenggaraan Drone yang diadakan sebanyak dua siri.

Sepanjang penubuhan Hawk-Eye pelbagai kejayaan dan pencapaian yang membanggakan telah dikecapi. Antaranya:

- Menyertai Perbarisan Formasi Drone JPNPk Sempena Hari Kebangsaan Bagi Tahun 2016 Peringkat Negeri Perak;
- Membuat pemantauan dan risikan dikawasan-kawasan Hotspot kes-kes kesalahan hutan;
- Membuat pertunjukan demonstrasi Drone di majlis-majlis Jabatan; dan
- Terlibat secara langsung dalam Operasi SAR Bencana Alam.

Bersama-sama YB Dato' Seri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar di Sambutan Hari Konservasi Paya Laut Peringkat Antarabangsa 2016





# SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2016 & PROGRAM KEMBARA RIMBA BERSAMA YAB MENTERI BESAR PERAK

Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak Tahun 2016 yang bertemakan 'Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat' (*Forest for Community Livelihood*) telah diadakan dengan jayanya di Taman Eko-Rimba Kledang Saiong. Pemilihan lokasi sambutan pada tahun ini amat signifikan kerana sejak dibuka pada Januari 2016 yang lalu, taman seluas 50 hektar yang terletak di tengah-tengah kepesatan pembangunan Bandar Meru Raya mencerminkan iltizam Kerajaan Negeri memulihara khazanah negeri bagi mewujudkan keseimbangan antara pembangunan dan kepentingan alam sekitar.



*Digital Forest Trail ini merupakan kawasan pembelajaran / pengenalan pokok dengan menggunakan aplikasi QR Scanner*

Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perak ini merupakan kesinambungan daripada sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan pada 26 Mac 2016 di Waterfront, Kuching, Sarawak dengan tema yang dianjurkan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations General Assembly*) iaitu "Hutan dan Air Menampung Kehidupan dan Kesejahteraan (*Forests and Water Sustain Life and Livelihoods*)".

Majlis perasmian telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Turut hadir sama memeriahkan majlis adalah Yang Amat Berbahagia Tun Jeanne Abdullah, Pengerusi Lanskap Malaysia, YB Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB Dato' Haji Mohd Ghazali bin Jalal, Pegawai Kewangan Negeri, YB Dato' Dr. Muhammad Amin bin Zakaria, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan YBhg. Dato' Haji Roslan bin Ariffin, Pengarah Perhutanan Negeri Perak.

Dalam ucapan perasmian beliau menyarankan agar setiap lapisan masyarakat perlu berganding bahu dan bersatu tenaga bersama pihak kerajaan untuk memulihara dan melindungi alam sekitar. Pendedahan dan kesedaran mengenai kepentingan alam sekitar juga perlu diteruskan dan dipertingkatkan di peringkat sekolah, Institut Pengajian



*YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd. Kadir bersama tetamu lain menyertai Program Kembara Rimba dengan berjalan kaki di Digital Forest Trail sejauh 1.8 kilometer*

Tinggi dan juga di kalangan masyarakat umum. Malah, sokongan dan kerjasama yang berterusan daripada sektor swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dapat membantu pihak kerajaan dalam mencapai hasrat tersebut. Sehingga 21 April 2016, Kerajaan Negeri Perak telah berjaya mengekalkan 46.60% daripada keseluruhan keluasan tanah negeri sebagai kawasan berhutan. Kejayaan ini merupakan satu pencapaian polisi pengurusan sumber hijau negeri yang amat bernilai dan membanggakan.

YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir bersama tetamu lain turut menyertai aktiviti kembara rimba dengan berjalan kaki di Digital Forest Trail sejauh 1.8 kilometer yang terletak di Sebahagian Kompartmen 49, Hutan Simpan Kledang Saiong, Daerah Kinta/Manjung. Laluan ini merupakan kawasan pembelajaran / pengenalan pokok dengan menggunakan aplikasi QR Scanner. Selain itu, terdapat pameran pelbagai produk perhutanan seperti produk berasaskan kayu arang, demonstrasi pengendalian drone dan demonstrasi perolehan biji benih dari Pasukan Perolehan Biji Benih Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang menunjukkan teknik memanjat pokok bagi mendapatkan biji benih dari spesies pokok-pokok hutan. Aktiviti menanam pokok juga diadakan sebagai pelengkap Sambutan Hari Hutan Antarabangsa yang diraikan setiap tahun yang mana sambutan pada kali ini melibatkan penanaman pokok bersempena dengan nama-nama tempat yang terdapat di Negeri Perak.

Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Perak juga amat berbesar hati kerana setiap tahun dapat bekerjasama dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) Perak yang telah menjadi media utama untuk menwar-warkan informasi berkaitan penganjuran majlis ini khususnya kepada rakyat di Negeri Perak.



*YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir tidak melepaskan peluang memanjat pokok dengan menggunakan kelengkapan dan peralatan memanjat semasa sesi demonstrasi perolehan biji benih dari Pasukan Perolehan Biji Benih Jabatan Perhutanan Negeri Perak*



# SAMBUTAN HARI KONSERVASI HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA

Persidangan *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO)* Ke-38 yang diadakan pada 6 November 2015 yang lalu di Perancis telah mengisytiharkan 26 Julai adalah merupakan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa. Pengisytiharan sambutan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk memelihara serta memulihara ekosistem hutan paya laut termasuk kawasan pesisiran pantai bagi memastikan kelangsungan peranan serta sumbangannya kepada kesejahteraan masyarakat sejagat.

Justeru itu, sebagai menyokong usaha UNESCO ini, sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa telah diadakan buat julung-julung kalinya pada tahun ini di Taiping, Perak. Majlis pelancaran sambutan tersebut telah diadakan dengan jayanya pada 18 Ogos 2016 dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Majlis turut dihadiri oleh YB Dato' Zainol Fadzi bin Haji Paharudin, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air bagi mewakili YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, YB Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri (Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar), YB Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan (Setiausaha Kerajaan Negeri Perak), YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Abd. Rahman bin Abd. Rahim (Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia), YBhg. Dato' Dr. Abdul Latif bin Mahmud (Ketua Pengarah







Institut Perhutanan Malaysia), YABhg. Tun Jeanne Abdullah, (Pengerusi Lanskap Malaysia) dan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri serta pegawai dan kakitangan agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Sepanjang berlangsungnya majlis sambutan, pelbagai aktiviti telah diaturkan oleh pihak jabatan bagi mengisi masa dan memberi pendedahan berguna kepada para pengunjung yang hadir. Antaranya adalah pelancaran gimik dan montaj majlis serta pelancaran Buku Garis Panduan Penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut di Malaysia oleh YB Dato' Seri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar. Selain itu, YB Dato Sri turut mengambil kesempatan untuk menyerahkan anak benih bakau kepada Ketua-ketua Kampung dan pelajar-pelajar sekolah. Para tetamu turut dihiburkan dengan persembahan Pentomin daripada pelajar-pelajar SMK King Edward VII, Taiping. Selain itu, YB Dato Sri turut serta untuk membuat lawatan ke booth pameran, menonton demonstrasi pengendalian *drone*, lawatan ke Denai Interpretasi Hutan Paya Laut dan akhir sekali turut serta dalam aktiviti penanaman pokok bakau bersama pelajar-pelajar sekolah. Selain itu, pihak jabatan turut mengaturkan lawatan ke dapur pemprosesan kayu arang dan menyediakan bot bagi pengunjung yang ingin merasai dan menikmati pemandangan Hutan Paya Laut Matang.

Majlis tersebut telah berjaya merekodkan kehadiran hampir 900 orang pengunjung termasuk para jemputan dan kakitangan jabatan manakala sebanyak 550 anak pokok bakau telah berjaya ditanam di sekitar laluan pejalan kaki semasa majlis tersebut berlangsung. Pihak jabatan amat berbesar hati atas kerjasama bersama agensi terlibat antaranya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Kerajaan Negeri dan pelbagai agensi lain yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung.





# SAMBUTAN 100 TAHUN PERSATUAN PANDU PUTERI KEBANGSAAN, PERINGKAT NEGERI PERAK



Majlis sambutan 100 tahun Persatuan Pandu Puteri Kebangsaan, Peringkat Negeri Perak dengan tema “*Grooving The Mangroves*” anjuran bersama Persatuan Pandu Puteri Perak dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah diadakan buat julung kalinya di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, Taiping, Perak. DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim yang juga Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Malaysia telah berkenan untuk mencemar duli merasmikan sambutan tersebut. Turut hadir sama Raja Puan Besar Perak, Raja Nor Mahani Raja Shahar Shah dan Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah.


Raja Puan Besar Perak, Raja Nor Mahani Raja Shahar Shah yang juga Timbalan Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia berkenan untuk bertitah pemilihan lokasi sambutan ini yang telah dihadiri lebih kurang 700 ahli Persatuan Pandu Puteri dari seluruh Malaysia adalah disebabkan keunikan Hutan Simpan Paya Laut Matang yang merupakan Hutan Simpan tertua di dunia. Selain itu, Hutan Simpan Paya Laut Matang yang berkeluasan seluas 40.288 hektar telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal sejak dari awal tahun 1902 lagi sehingga telah mendapat pengiktirafan dunia kerana diurus dan dibangunkan dengan amalan *Best Forest Practies*.





Antara aktiviti yang disediakan ialah lawatan ke tapak pameran yang disertai oleh agensi kerajaan dan Ngo, aktiviti menanam pokok spesies Bakau minya (*Rhizophora apiculata*), menyusuri sungai dengan menaiki bot (*boat touring*), lawatan ke Denai Interpretasi Hutan Paya Laut Matang dan melawat ke kilang pembuatan kayu arang. Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Perak amat berharap dengan adanya program sebegini dapat menjadi landasan utama untuk memberi kesedaran dan menyemai *sense of belonging* kepada alam sekitar terutamanya di kalangan pelajar sekolah.





**PENEMUAN  
SPESIES RESAK  
BAHARU  
DI HUTAN  
SIMPAN  
KLEDANG  
SAIONG**






Penemuan spesies baharu pokok hutan yang dinamakan Resak Abdulrahman atau nama saintifiknya *Vatica abdulrahmaniana* melakar sejarah apabila satu-satunya spesies yang hanya terdapat di Hutan Simpan Kledang Saiong.

Pokok Hutan ini diberi nama Resak Abdulrahman sempena nama Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato; Sri Dr. Hj. Abd Rahman bin Hj. Abd Rahim. Ciri-ciri pokok ini ialah mempunyai ketinggian sehingga 20 meter (m) dan merupakan spesies endemik bagi semenanjung Malaysia yang mana setakat ini hanya ditemui di kawasan Bukit Kledang Saiong, Hutan Simpan Kledang Saiong, Kinta Manjung, Perak.

Resak Abdulrahman berbeza daripada spesies lain kerana mempunyai urat daun yang menonjol dan mengeluarkan bunga secara bermusim manakala pucuk muda terhasil daripada spesies pokok hutan ini mempunyai ciri-ciri seperti berbulu dan berwarna coklat keemasan yang jelas kelihatan pada urat daun.

Pokok ini dikesan tumbuh di kawasan bukit yang mempunyai kecerunan melebihi 30 darjah kecerunan dan 720 meter dari paras laut. Selepas kajian dan penyelidikan dijalankan mendapati bahawa spesies ini hanya berada di Hutan Simpan Kledang Saiong dan telah disahkan pada tahun lalu.





## **PERTANDINGAN BICARA BERIRAMA 'SUARA RIMBA' PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK TAHUN 2016**



